

مانیسش ایمان

"DAN juga mereka diredayai Allah itu ialah apabila membelanjakan hartanya tiadalah melampaui batas dan tiada bakhil kedekut dan sebaliknya perbelanjaan mereka adalah betul sederhana di antara kedua-dua cara (boros dan bakhil) itu".

- Allah Subhanahu Wata'ala berfirman dalam Surah Al-Furqan, ayat 67.



MEMPELAI DIRAJA BERSERI DI SINGGAHSANA

Oleh : Nooratini Haji Abas

BANDAR SERI BEGAWAN, Ahad, 14 Januari. - Lembaran sejarah adat istiadat diraja yang penuh keunikan, bertradisi dan ketertiban tercipta dengan berlangsungnya penuh gilang-gemilang Majlis Istiadat Bersanding Pengantin Diraja di antara Duli Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Muda 'Abdul Mateen ibni Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah dengan Yang Amat Mulia Pengiran Anak Isteri Anisha Rosnah binti Adam, di Balai Singgahsana Indera Buana, Istana Nurul Iman.

>> Muka 2

KEBAWAH Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah ibni Al-Marhum Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddien Sa'adul Khairi Waddien, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam menapakkan tangan Duli Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Muda 'Abdul Mateen ke atas kepala Yang Amat Mulia Pengiran Anak Isteri Anisha Rosnah pada Majlis Istiadat Bersanding Pengantin Diraja, yang berlangsung di Balai Singgahsana Indera Buana, Istana Nurul Iman.



Istiadat Perarakan Pengantin Diraja lambang keunikan warisan negara



Oleh : Hajah Siti Zuraiyah Haji Awang Sulaiman,
Saerah Haji Abdul Ghani

BANDAR SERI BEGAWAN, Ahad, 14 Januari. - Senyuman manis dan lambai mesra dari kedua-dua Pengantin Diraja, Duli Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Muda 'Abdul Mateen ibni Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah dengan Yang Amat Mulia Pengiran Anak Isteri Anisha Rosnah binti Adam, menjadi kenangan paling berharga dan tidak akan dilupakan oleh ribuan rakyat jelata termasuk para pelancong berbilang warganegara yang turut hadir menyaksikan istiadat bersejarah gilang-gemilang Majlis Istiadat Perarakan Pengantin Diraja di ibu negara.

>> Muka 7

BAGAI PINANG DIBELAH DUA ... Kedua-dua Pengantin Diraja, Duli Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Muda 'Abdul Mateen ibni Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah dan Yang Amat Mulia Pengiran Anak Isteri Anisha Rosnah binti Adam pada Majlis Istiadat Perarakan Pengantin Diraja.



Berita Utama



BERMUNAJAT, istighfar mohon keampunan Allah

Muka 10



GOTONG-royong bersih Taman Riadah

Muka 11



2 pelajar UNISSA ikuti kursus bahasa Arab di Kesultanan Oman

Muka 18



RENCANA
PWEDB giat aktif dalam pelbagai aktiviti

الله فلیکم ملکن فعنتین ملک

Allah Peliharakan Pengantin Diraja



Mempelai Diraja berseri di Singgahsana

Oleh : Nooratini Haji Abas

Foto : Mohamad Azmi Awang Damit, Masri Osman, Mohd. Zul-Izzi Haji Duraman, Hernie Suliana Haji Othman, Muhammad Asri Haji Awang Abas, Ak. Mohd. Aminol Adi Azraie Pg. Haji Nikman

>> Muka 1

Majlis istiadat tersebut dihiasi Dian Alam Bernaga dan Dian Empat dan empat Dian Bunga, yang diletakkan di tempat yang dikhaskan, termasuk dua Dian Bunga bagi Pengantin Diraja

Perempuan sedia diletakkan di kiri kanan pintu Balai Singgahsana Indera Buana serta Nasi Tumpang bagi Pengantin Diraja Lelaki dan Nasi Tumpang bagi Pengantin Diraja Perempuan sedia diletakkan di tempat yang ditentukan.

KEBAWAH Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah ibni Al-Marhum Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddien Sa'adul Khairi Waddien, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam dan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Raja Isteri Pengiran Anak Hajah Saleha binti Al-Marhum Pengiran Anak Haji Mohamed Alam berkenan berangkat ke Majlis Istiadat Bersanding Pengantin Diraja di antara Duli Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Muda 'Abdul Mateen dengan Yang Amat Mulia Pengiran Anak Isteri Anisha Rosnah, di Balai Singgahsana Indera Buana, Istana Nurul Iman. Juga berangkat tetamu-tetamu khas Kebawah Duli Yang Maha Mulia.

Keberangkatan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah ibni Al-Marhum Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddien Sa'adul Khairi Waddien, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam dan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Raja Isteri Pengiran Anak Hajah Saleha binti Al-Marhum Pengiran Pemancha Pengiran Anak Haji Mohamed Alam, didahului oleh Penglima Diraja yang membawa Pemuras serta Karga, dan Penglima Asgar yang membawa Kelasak dan Kampilan serta diiringi oleh Pembawa-pembawa Alat-alat Perhiasan Tunggal.

>> Muka 3

WAKTU SEMBAHYANG

Januari MASIHI	HARI	Rejab HIJRAH	IMSAK	SUBUH	SYURUK	DUHA	ZUHUR	ASAR	MAGHRIB	ISYAK
15	ISNIN	3	5.01	5.11	6.33	6.57	12.30	3.52	6.25	7.39
16	SELASA	4	5.01	5.11	6.34	6.57	12.31	3.53	6.26	7.39
17	RABU	5	5.02	5.12	6.34	6.58	12.31	3.53	6.26	7.40
18	KHAMIS	6	5.02	5.12	6.34	6.58	12.31	3.53	6.27	7.40
19	JUMAAT	7	5.02	5.12	6.34	6.58	12.32	3.53	6.27	7.40
20	SABTU	8	5.03	5.13	6.35	6.58	12.32	3.54	6.27	7.41
21	AHAD	9	5.03	5.13	6.35	6.59	12.32	3.54	6.28	7.41

Waktu-waktu sembahyang bagi Daerah Tutong ditambah 1 minit dan Daerah Belait ditambah 3 minit

RAMALAN CUACA 3 HARI



ISNIN	SELASA	RABU
Bandar Seri Begawan		
32 25 °C	31 26 °C	32 26 °C
Pekan Bangar		
32 25 °C	32 25 °C	32 25 °C
Pekan Tutong		
31 25 °C	31 26 °C	31 26 °C
Kuala Belait		
31 25 °C	31 25 °C	31 25 °C

www.met.gov.bn

WallahuAlam Bissawab

Sumber : Perkhidmatan Kajicuaca Brunei Darussalam, Kementerian Pengangkutan dan Infokomunikasi

SIDANG PENGARANG

15 JANUARI 2024

Perkahwinan Diraja yang gemilang

SELURUH lapisan masyarakat di negara ini serta di seluruh dunia telah menyaksikan satu Istiadat perkahwinan yang begitu gemilang di awal pembukaan tahun 2024. Istiadat perkahwinan di antara Duli Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Muda 'Abdul Mateen ibni Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah dengan Yang Amat Mulia Pengiran Anak Isteri Anisha Rosnah binti Adam.

Memang tidak dinafikan, istiadat perkahwinan ini mendapat liputan meluas daripada media luar kerana istiadat perkahwinan ini boleh dianggap sebagai 'Wedding of the Year'. Ini kerana mempelai diraja lelaki merupakan putera diraja yang terkenal kerana penglibatan Duli Yang Teramat Mulia dalam bidang sukan bahkan personaliti DYTM sendiri yang sering mengiringi paduka ayahanda dalam majlis-majlis rasmi sama ada di dalam maupun di luar negara.

Selain itu, Istiadat persandingan ini menampilkan adat budaya kita yang begitu unik dan tinggi nilainya. Cara hidup kita berbudaya dan berbangsa dalam setiap aspek kehidupan sangat jelas ditonjolkan dalam apa-apa juga acara dan ini dapat dilihat dalam Istiadat perkahwinan ini. Kehalusan serta kesopanan ditonjolkan dalam setiap majlis di Istiadat Perkahwinan ini.

Dunia melihat bagaimana istiadat Perkahwinan Diraja Brunei dijalankan yang sentiasa diserikan dengan alat-alat kebesaran diraja, pakaian orang-orang bergelar yang dipakai, serta tingginya kesantunan dalam menyatakan hasrat bermula dari Majlis Istiadat Bersuruh hingga Majlis Istiadat Bersanding. Setentunya kita menyanjung tinggi nilai-nilai warisan yang kita warisi dari sejak zaman berzaman. Anak-anak muda bakal penerus warisan kita perlu dididik untuk sentiasa memelihara serta menjadi penerus agar warisan ini tidak akan hilang tanpa jejak.

Istiadat perkahwinan Diraja ini begitu meriah di mana seluruh rakyat begitu teruja apatah lagi perarakan diraja yang bermula dari Istana Nurul Iman menuju sekeliling Bandar Seri Begawan. Rakyat berpeluang untuk melihat secara dekat pengantin Diraja yang sentiasa tersenyum sambil melambaikan tangan kepada orang ramai yang beratur di sepanjang jalan yang dilalui dalam perarakan tersebut. Keadaan cuaca tidak melunturkan semangat orang ramai untuk turut serta meraikan kebahagiaan pengantin Diraja bahkan lebih bersemangat apabila kendaraan khas yang membawa pengantin diraja melintas di hadapan mereka.

Di samping itu, kehadiran ketua-ketua negara serta tetamu jemputan khas turut memeriahkan Istiadat Perkahwinan ini. Boleh dikatakan Istiadat Perkahwinan Diraja ini menjadi sejarah yang sangat dibanggakan kerana meskipun berhadapan dengan era globalisasi, nilai warisan negara kita masih dipertahankan dan digunakan sehingga ke hari ini. Apa yang lebih berkesan lagi ialah kebanyakan negara luar mula mengetahui tentang adat kita seperti Adat berbedak kerana adat ini tidak diperaktikkan di negara lain. Ini ditambah lagi dengan aksesori yang dipakai menjadikan seri pengantin lebih menyerlah. Ketampanan dan kecantikan Pengantin Diraja begitu terserlah menjadikan istiadat ini begitu gilang-gemilang. 'Allah Selamatkan Pengantin Diraja'. - Ketua Penyuntingan (Ri)



KEBAWAH Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam dan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Raja Isteri Pengiran Anak Hajah Saleha berkenan berangkat ke Majlis Istiadat Bersanding Pengantin Diraja di Balai Singgahsana Indera Buana, Istana Nurul Iman. Berangkat sama, Duli Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Muda Mahkota Pengiran Muda Haji Al-Muhtadee Billah dan Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Anak Isteri Pengiran Anak Sarah serta Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Anak Puteri Hajah Muta-Wakkilah Hayatul Bolkiah.

>> Muka 2

Berangkat sama paduka-paduka anakanda dan adinda Kebawah Duli Yang Maha Mulia, Duli Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Muda Mahkota Pengiran Muda Haji Al-Muhtadee Billah dan Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Anak Isteri Pengiran Anak Sarah; Duli Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Muda 'Abdul Malik dan Yang Amat Mulia Pengiran Anak Isteri Pengiran Raabi'atul Adawiyyah; Duli Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Muda Abdul Wakeel; Duli Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Perdana Wazir Sahibul Himmah Wal-Waqar Pengiran Muda Mohamed Bolkiah; Duli Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Bendahara Seri Maharaja Permaisura Pengiran Muda Haji Sufri Bolkiah dan Yang Amat Mulia Pengiran Bini Hajah Faizah; Duli Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Digadong Sahibul Mal Pengiran Muda Haji Jefri Bolkiah; Yang Teramat

Mulia Paduka Seri Pengiran Anak Puteri Hajah Rashidah Sa'adatul Bolkiah; Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Anak Puteri Hajah Muta-Wakkilah Hayatul Bolkiah; Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Anak Puteri Hajah Majeedah Nuurul Bolkiah; Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Anak Puteri Hajah Hafizah Sururul Bolkiah; Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Anak Puteri 'Azemah Ni'matul Bolkiah; Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Anak Puteri Fadzilah Lubabul Bolkiah; Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Anak Puteri Ameerah Wardatul Bolkiah; Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Anak Puteri Hajah Masna; Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Anak Puteri Hajah Nor'ain; Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Anak Puteri Hajah Amal Umi Kalthum Al-Islam; Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Anak Puteri Hajah Amal Nasibah serta ahli kerabat diraja yang lain.

Juga berangkat dan hadir tetamu-tetamu khas Kebawah Duli Yang Maha Mulia, Kebawah Duli Yang Maha Mulia Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong Malaysia XVI, Al-Sultan Abdullah Ri'ayatuddin Al-Mustafa Billah Shah ibni Al-Marhum Sultan Haji Ahmad Shah Al-Musta'in Billah Shah dan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Seri Paduka Baginda Raja Permaisuri Agong Tunku Hajah Azizah Aminah Maimunah Iskandariah binti Al-Marhum Al-Mutawakkil Alallah Sultan Iskandar Al-Haj; His Majesty King Jigme Khesar Namgyel Wangchuck, King of The Kingdom of Bhutan and Her Majesty Queen Jetsun Pema Wangchuck, Queen of The Kingdom of Bhutan; Presiden Republik Indonesia, Tuan Yang Terutama Dato Laila

Utama Joko Widodo; Presiden Republik Filipina, Tuan Yang Terutama Ferdinand Romualdez Marcos Jr. dan Madam Louise Araneta-Marcos; Perdana Menteri Singapura, Tuan Yang Terutama Dato Laila Utama Lee Hsien Loong dan Datin Paduka Seri Laila Jasa Madam Ho Ching dan Perdana Menteri Malaysia, Yang Amat Berhormat Dato' Seri Anwar bin Ibrahim dan Yang Amat Berbahagia Dato' Seri Dr. Wan Azizah binti Dato' Dr. Haji Wan Ismail.

Majlis Istiadat Bersanding Pengantin Diraja dimulakan dengan empat Awang-awang masuk ke dalam majlis untuk menunu Dian Empat, diikuti dengan Kasur Namat, yang dibawa masuk ke dalam majlis dan diletakkan di tengah-tengah

Dian Empat oleh dua Awang-awang dengan penuh adat serta tertibnya.


Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Johan Pahlawan Dato Seri Setia Haji Awang Adanan seterusnya menjunjung anugeraha untuk menyembahkan kepada Yang Amat Mulia Pengiran Indera Setia Diraja Sahibul Karib Pengiran Anak Haji Idris, bawahu Istiadat Menjunjung untuk mengambil kedua-dua Pengantin Diraja telah siap sedia.

YAM Pengiran Indera Setia Diraja Sahibul Karib kemudian menyembahkan untuk menjunjung titah ke hadapan majlis Kebawah DYMM bagi Istiadat Menjunjung Pengantin Diraja Perempuan.

>> Muka 4



DULI Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Muda 'Abdul Mateen dan Yang Amat Mulia Pengiran Anak Isteri Anisha Rosnah diapit oleh rombongan yang dititahkan tiba di Singgahsana Indera Buana, Istana Nurul Iman (atas, atas kiri dan kiri sekali). Sementara gambar kiri, Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Johan Pahlawan Dato Seri Setia Haji Awang Adanan seterusnya menjunjung anugeraha untuk menyembahkan bawahu Istiadat Menjunjung untuk mengambil kedua-dua Pengantin Diraja telah siap sedia.



KEBAWAH Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam dan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Raja Isteri menadah tangan semasa Doa Selamat dibacakan pada Majlis Istiadat Bersanding Pengantin Diraja paduka anakanda baginda.

>> Muka 3

Kebawah DYMM setelah itu menitahkan isteri Yang Berhormat Pehin Udana Khatib Dato Paduka Seri Setia Ustaz Haji Awang Badaruddin; isteri Yang Amat Mulia Pengiran Sanggamara Diraja Mejai Jeneral (B) Pengiran Haji Ibnu Basit; isteri Yang Berhormat Pehin Datu Lailaraja Mejai Jeneral (B) Dato Paduka Seri Haji Awang Halbi; isteri Yang Berhormat Dato Seri Setia Dr. Awang Haji Mohammad Isham; isteri Yang Berhormat Dato Seri Setia Dr. Awang Haji Mohd. Amin Liew; isteri Yang Berhormat Pehin Datu Seri Maharaja Dato Paduka Seri Setia (Dr.) Ustaz Haji Awang Abdul Aziz; isteri Yang Amat Mulia Pengiran Indera Negara Pengiran Anak Haji Puteh; dan isteri Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Maharaja Diraja Dato Seri Paduka Awang Haji Abdul Wahab menjunjung anugeraha seorang demi seorang lalu berdiri di kiri kanan majlis dan seterusnya beredar untuk mengambil Yang

Amat Mulia Pengiran Anak Isteri Anisha Rosnah.

Pengantin Diraja Perempuan berangkat penuh berseri ke Balai Singgahsana Indera Buana dengan diapit oleh isteri Yang Berhormat Pehin Udana Khatib Dato Paduka Seri Setia Ustaz Haji Awang Badaruddin dan isteri Yang Amat Mulia Pengiran Sanggamara Diraja Mejai Jeneral (B) Pengiran Haji Ibnu Basit dengan diiringi oleh isteri Yang Berhormat Pehin Datu Lailaraja Mejai Jeneral (B) Dato Paduka Seri Haji Awang Halbi;

isteri Yang Berhormat Dato Seri Setia Dr. Awang Haji Mohammad Isham; isteri Yang Berhormat Dato Seri Setia Dr. Awang Haji Mohd. Amin Liew; isteri Yang Berhormat Pehin Datu Seri Maharaja Dato Paduka Seri Setia (Dr.) Ustaz Haji Awang Abdul Aziz; isteri Yang Amat Mulia Pengiran Indera Negara Pengiran Anak Haji Puteh; dan Isteri Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Maharaja Diraja Dato Seri Paduka Awang Haji Abdul Wahab serta Yang Dimuliakan Pehin Jawatan Bini Datin Paduka

Dayang Hajah Siti dan diiringi oleh Yang Mulia Juru Bini Dayang Hajah Rokiah, diikuti oleh seorang Pengiran Perempuan Berbaju Gadong dan seorang Dayang-Dayang yang membawa Kaskol Langguai, tujuh orang Pahawai Perempuan yang memegang satu Puan, satu Tarian, satu Kabok dan Panastan, satu Kiap, satu Chupu, satu Pasigupan dan satu Kaskol, Dian 16 yang dibawa oleh 16 Dayang-Dayang.

>> Muka 5



PADUKA-paduka anakanda dan adinda Kebawah Duli Yang Maha Mulia serta tetamu-tetamu khas menadah tangan semasa Doa Selamat dibacakan (atas, bawah kiri dan bawah kanan).



DOA Selamat dibacakan oleh Yang Berhormat Mufti Kerajaan.

PARA jemputan yang hadir ketika Doa Selamat dibacakan.



KEBAWAH DYMM dan Kebawah DYMM Paduka Seri Baginda Raja Isteri Pengiran Anak Hajah Saleha berkenan menerima junjung ziarah daripada Pengantin Diraja (kiri dan atas).

>> MuKa 4

Sebaik-baik sahaja rombongan yang dititahkan berdiri di kiri kanan majlis, YAM Pengiran

Indera Setia Diraja Sahibul Karib menyembahkan ke hadapan majlis Kebawah DYMM bagi Istiadat Menjunung Pengantin Diraja Lelaki.
Duli Yang Teramat Mulia

Paduka Seri Pengiran Bendahara
Seri Maharaja Permaisura
Pengiran Muda Haji Sufri Bolkiah
menjunjung anugeraha untuk
menjunjung dan mengapit
Pengantin Diraja.

Sebaik-baik sahaja Duli Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Bendahara Seri Maharaja Permaisuara Pengiran Muda Haji Sufri Bolkiah sampai ke tempat yang ditentukan, Duli Yang Teramat Mulia bersama Yang Amat Mulia Pengiran Lela Cheteria Sahibun Najabah Pengiran Anak Haji Abdul Aziz; Yang Amat Mulia Pengiran Maharaja Setia Laila Diraja Sahibul Irshad Pengiran Anak Haji Abdul Rahim; Yang Berhormat Pehin Udana Khatib Dato Paduka Seri Setia Ustaz Haji Awang Badaruddin; Yang Berhormat Pehin Datu Lilaraja Mejari Jeneral (B) Dato Paduka Seri Haji Awang Halbi; Yang Berhormat Dato Seri Setia Dr. Awang Haji Mohammad Isham; Yang Berhormat Dato Seri Setia Dr. Awang Haji Mohd. Amin Liew; Yang Berhormat Pehin Datu Seri Maharaja Dato Paduka Seri Setia (Dr.) Ustaz Haji Awang Abdul Aziz; Yang Amat Mulia Pengiran Sanggamara Diraja Mejari Jeneral

(B) Pengiran Haji Ibnu Basit; dan Yang Amat Mulia Pengiran Indera Negara Pengiran Anak Haji Puteh mengangkat sembah/tunduk hormat terlebih dahulu sebelum menuju ke tempat Pengangunan Pengantin Diraja untuk menjunjung Duli Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Muda 'Abdul Mateen.

Duli Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Bendahara Seri Maharaja Permaisura Pengiran Muda Haji Sufri Bolkiah berangkat dari majlis diikuti rombongan yang dititahkan.

Kanak-kanak Pahawai Lelaki, iaitu seorang memegang Kiap dan seorang memegang Pasigupan dan diikuti oleh Yang Dimuliakan Pehin Penyurat Awang Maidin dan Yang Dimuliakan Pehin Penyurat Haji Awang Osman serta diikuti oleh Perhiasan Empat Duli Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Muda 'Abdul Mateen yang dibawa oleh empat orang Pembawa Perhiasan Empat, seorang membawa Payung, seorang membawa Pedang dan Perisai, seorang membawa Tumbak Bendarangan dan seorang membawa Kaskol, diikuti oleh seorang Pengiran Perempuan Berbau Gadong dan seorang Dayang-dayang yang membawa Kaskol Langguai, tujuh orang Pahawai Lelaki yang memegang satu Puan, satu Tarian, satu Kabok dan Panastan, satu Kiap, satu Chupu, satu Pasigupan dan satu Kaskol, Dian 16 yang dibawa oleh 16 Awang-awang serta Alat-Alat Kebesaran Diraja yang terdiri daripada 16 Pedang dan Perisai, 16 Tumbak Bendarangan dan 8 Kabok dan Panastan yang dibawa oleh Awang-awang.

>> Muka 6



KEBAWAH PYMM KURNIAKAN GELARAN

Oleh : Dk. Hajah Naqayatul Akma Pq. Haji Ali

BANDAR SERI BEGAWAN,
Ahad, 14 Januari. - Kebawah
Duli Yang Maha Mulia Paduka
Seri Baginda Sultan Haji
Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin
Waddaulah ibni Al-Marhum
Sultan Haji Omar 'Ali
Saifuddien Sa'adul Khairi
Waddien, Sultan dan Yang
Di-Pertuan Negara Brunei

Darussalam berkenan mengurniakan gelaran kepada Pengantin Diraja Perempuan, Yang Mulia Dayang Anisha Rosnah binti Adam.

Yang Mulia Dayang Anisha
Rosnah binti Adam kini dikenali
dengan nama Yang Amat Mulia
Pengiran Anak Isteri Anisha
Rosnah binti Adam.

Pengurniaan gelaran tersebut telah disabbdakan oleh Yang Amat Mulia Pengiran Indera Setia Diraja Sahibul Karib Pengiran Anak Haji Idris bin Pengiran Maharaja Lela Pengiran Muda Abdul Kahar pada Majlis Istiadat Bersanding Pengantin Diraja yang berlangsung di Balai Singgahsana Indera Buana, Istana Nurul Iman, di sini.



KEBAWAH DYMM dan Kebawah DYMM Paduka Seri Baginda Raja Isteri berkenan mengabadikan kenangan bersama kedua-dua Pengantin Diraja bersama Datin Paduka Seri Dayang Hajah Mariam, bonda Pengantin Diraja Lelaki dan ibu bapa Pengantin Diraja Perempuan (kiri dan kanan).

>> Muka 5

Setiba Pengantin Diraja Lelaki di hadapan pintu Dewan Resepsi, Pengantin Diraja Lelaki ditaburi dengan Bunga Rampai dan kaki Pengantin Diraja Lelaki dijirus dengan air oleh Pengiran Peranakan yang sedia menunggu di pintu luar Dewan Resepsi.

Duli Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Muda 'Abdul Mateen dipimpin oleh Mufti Kerajaan, Yang Berhormat Pehin Datu Seri Maharaja Dato Paduka Seri Setia (Dr.) Ustaz Haji Awang Abdul Aziz masuk ke Balai Singgahsana Indera Buana.

Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara

Brunei Darussalam kemudiannya menapakkan tangan Duli Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Muda 'Abdul Mateen ke atas kepala Yang Amat Mulia Pengiran Anak Isteri Anisha Rosnah menjunjung ziarah ke hadapan majlis Kebawah DYMM dan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Raja Isteri.

Bacaan Selawat dipimpin oleh Yang Berhormat Mufti Kerajaan, dengan diiringi oleh tembakan Meriam sebanyak 17 das.

YAM Pengiran Indera Setia Diraja Sahibul Karib seterusnya membaca Surat Pengisytiharan dan seterusnya Doa Selamat dibacakan oleh Yang Berhormat Mufti Kerajaan.

Duli Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Muda 'Abdul Malik kemudiannya menjunjung anugeraha untuk menjunjung kedua-dua Pengantin Diraja Perempuan, Yang Mulia Awang

Duli Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Muda 'Abdul Mateen dan Yang Amat Mulia Pengiran Anak Isteri Anisha Rosnah menjunjung ziarah ke hadapan majlis Kebawah DYMM dan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Raja Isteri.

Pengantin Diraja juga menjunjung ziarah ke hadapan majlis Duli Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Muda Mahkota Pengiran Muda Haji Al-Muhtadee Billah dan Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Anak Isteri Pengiran Anak Sarah.

Kedua-dua Pengantin Diraja juga menjunjung ziarah kepada Datin Paduka Seri Dayang Hajah Mariam, bonda Pengantin Diraja Lelaki dan ibu bapa Pengantin Diraja Perempuan, Yang Mulia Awang

Adam dan Yang Mulia Dayang Siti Mariam.

Kedua-dua Pengantin Diraja berangkat dengan diapit oleh Duli Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Muda 'Abdul Malik dengan didahului oleh alat-alat perhiasan diraja.

Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Johan Pahlawan menjunjung anugeraha untuk menyembahkan kepada YAM Pengiran Indera Setia Diraja Sahibul Karib, bawah Majlis Istiadat Bersanding Pengantin Diraja telah sempurna dilaksanakan.

YAM Indera Setia Diraja Sahibul Karib menyembahkan dan menjunjung titah ke hadapan majlis Kebawah DYMM, bawah Majlis Istiadat Bersanding Pengantin Diraja telah sempurna dilaksanakan.

dilaksanakan.

Kebawah DYMM dan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Raja Isteri berangkat ke bilik khas, diikuti dengan kerabat diraja yang lain.

Turut hadir ke Majlis Istiadat Bersanding Pengantin Diraja, Yang Amat Mulia Pengiran-pengiran Cheteria, Menteri-menteri Kabinet, Ahli-ahli Majlis-majlis Mesyuarat, Timbalan-timbalan Menteri, Pengiran-pengiran Peranakan, Pehin-pehin Manteri, Manterimanteri Hulubalang dan Manterimanteri Pedalaman, Ketua-ketua Perwakilan Negara Asing di Negara Brunei Darussalam, Setiausaha-setiausaha Tetap dan Pegawai-pegawai Kanan Kerajaan juga wakil-wakil dari Syarikat Milik Kerajaan.



DYTM Paduka Seri Pengiran Muda 'Abdul Mateen dan YAM Pengiran Anak Isteri Anisha Rosnah beramah mesra bersama tetamu-tetamu khas (atas). Sementara gambar atas kiri dan kiri, kedua-dua Pengantin Diraja menaiki kenderaan khas bagi Majlis Istiadat Perarakan Pengantin Diraja mengelilingi Bandar Seri Begawan.

الله فلیها ملک فتحتین داع
١٤٢٦

Allah Peliharakan Pengantin Diraja

ISTIADAT PERARAKAN PENGANTIN DIRAJA LAMBANG KEUNIKAN WARISAN NEGARA

Oleh : Hajah Siti Zuraiyah Haji Awang Sulaiman,

Saerah Haji Abdul Ghani

Foto : Haji Ariffin Mohd. Noor / Morshidi, Hamzah Mohidin, Mohammad Hatral Hazmi Awang Abdul Hamid, Mohd. Sahrizal Haji Said, Azmah Haji Ahad, Alisahrin Haji Momin, Pg. Haji Mohd. Fawzy Pg. Haji Ahmad, Abdul Kadir Md. Tahir, Hanif A. Halit, Hasif Haji Mat Zain, Muhammad Khalid Doughty, Mohammad Nor Azlyn Ibrahim.



PENGANTIN Diraja, Duli Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Muda 'Abdul Mateen ibni Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah dan Yang Amat Mulia Pengiran Anak Isteri Anisha Rosnah binti Adam tersenyum manis dan melambai mesra ketika diarak mengelilingi ibu negara, Bandar Seri Begawan (atas dan kanan).

>> Muka 1

Kemuncak Majlis Istiadat Perkahwinan Diraja berkenaan

menjadikan suasana Bandar Seri Begawan (BSB) dipenuhi dengan orang ramai yang beratur di semua



ceruk jalan raya dan kawasan yang menanti dengan perasaan teruja untuk menyaksikan Majlis Istiadat Perarakan Pengantin Diraja.

Suasana ibu negara juga sangat indah dengan pemandangan pelbagai perhiasan kuntuman bunga yang mengembang serta kibaran bendera-bendera penuh warna-warni di sepanjang jalan, termasuk pintu-pintu gerbang yang tersergam indah memaparkan potret pasangan Pengantin Diraja di sepanjang laluan perarakan menyemarakkan lagi detik bersejarah berkenaan.

Perarakan Pengantin Diraja mengelilingi BSB berkenaan bermula dari Istana Nurul Iman melalui Jalan Raja Isteri Pengiran Anak Saleha seterusnya ke Jalan Sultan Omar 'Ali Saifuddien melintasi Lapau, Taman Haji Sir Muda Omar 'Ali Saifuddien,

dan kemudiannya melalui Jalan McArthur melintasi Dermaga Diraja, Kompleks Yayasan Sultan Haji Hassanal Bolkiah, seterusnya menuju ke Jalan Masjid Omar Ali' Saifuddien hingga ke penghujung Jalan Stoney dan balik semula ke Jalan Raja Isteri Pengiran Anak Saleha.

Perarakan berkenaan turut melibatkan kira-kira 21 ribu penuntut bersama lebih 2,000 guru serta 15,700 pegawai dan kakitangan kerajaan manakala 500 peserta lagi mengambil bahagian dalam persembahan hadrah.

>> Muka 8



SUASANA Bandar Seri Begawan dipenuhi dengan orang ramai yang beratur di semua ceruk jalan raya dan kawasan yang menanti dengan perasaan teruja untuk menyaksikan Majlis Istiadat Perarakan Pengantin Diraja (kiri, bawah kiri dan bawah kanan).



ROMBONGAN Istiadat Perarakan Pengantin Diraja diiringi oleh Kenaikan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah ibni Al-Marhum Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddien Sa'adul Khairi Waddien, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam dan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Raja Isteri Pengiran Anak Hajah Saleha binti Al-Marhum Pengiran Pemancha Pengiran Anak Haji Mohamed Alam (kanan dan bawah).


>> Muka 7

Pengantin Diraja mula diarak dengan diiringi oleh pasukan motosikal Pasukan Polis Diraja Brunei diikuti oleh 40 Sinipit yang dibawa oleh Awang-awang, Changkah yang dibawa oleh Pateh dan Damong, empat Dian Bunga, sebatang Dian Tunggal, dua orang kanak-kanak Pahawai lelaki, seorang memegang Kiap, seorang memegang Pasigupan, diikuti oleh dua Hulubalang, Hulubalang Diraja membawa Pemuras dan Karga serta Hulubalang Asgar membawa Kelasak dan Kampilan yang mendahului Kenaikan Pengantin Diraja, diikuti oleh Perhiasan Empat Duli Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Muda 'Abdul Mateen.

Kemudian rombongan Istiadat Perarakan Pengantin Diraja diiringi oleh Kenaikan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah ibni Al-Marhum Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddien Sa'adul Khairi Waddien, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam dan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Raja Isteri Pengiran Anak Hajah Saleha binti Al-Marhum Pengiran Pemancha Pengiran Anak Haji Mohamed Alam

berserta kerabat diraja.

Ini diikuti oleh kenderaan yang membawa dua Pengiran Perempuan Berbau Gadong dan dua Dayang-dayang yang membawa Kaskol Langguai, tujuh Pahawai lelaki dan tujuh Pahawai Perempuan yang masing-masing membawa satu Puan, satu Tarian, satu Kabok dan Panastan, satu Kiap, satu Chupu, satu Pasigupan dan satu Kaskol, diikuti oleh Dian 16 yang dibawa oleh 16 Awang-awang dan 16 Dayang-dayang serta Awang-awang yang memegang alat-alat kebesaran diraja, iaitu 16 Pedang dan Perisai, 16 Tumbak Bendarangan dan lapan Kabok dan Panastan dengan diiringi oleh Gendang Arak-arakan.

DYTM Paduka Seri Pengiran Muda 'Abdul Mateen dan YAM Pengiran Anak Isteri Anisha Rosnah kelihatan sungguh ceria dan gembira di dalam kenderaan Kenaikan Khas dengan konsep terbuka untuk memudahkan orang ramai menatap ketampanan dan kejelitaan wajah mempelai diraja yang menjadi kesayangan rakyat.

Ketika Kenaikan Khas yang membawa mempelai diraja tiba, rakyat jelata dan penduduk daripada pelbagai peringkat usia termasuk para pelancong asing yang membanjiri ibu negara sejak awal pagi lagi melambai-lambaikan tangan, menjunjung tahniah dan terharu sambil



kedua-dua mempelai diraja yang bagi *pinang dibelah dua* membalaq lambaian dengan ukiran senyuman yang penuh mesra dan ceria.

Walaupun dengan keadaan cuaca panas terik sejak perarakan bermula, namun ia tidak melemahkan semangat rakyat dan orang ramai untuk turut sama meraikan Perarakan Mempelai Diraja bahkan mereka tetap berdiri dan menyembahkan ucapan 'Allah

Selamatkan Pengantin Diraja' kepada kedua-dua mempelai Pengantin Diraja.

Orang ramai juga tidak melepaskan peluang merakam detik-detik bersejarah berkenaan melalui telefon pintar dan kamera masing-masing yang setentunya akan disimpan dan diabadikan sebagai kenangan sepanjang zaman.

Kemesraan yang dipamerkan oleh pasangan mempelai diraja

berkenaan seolah-olah hadiah yang tidak ternilai bagi rakyat dan orang ramai.

Demikian juga, kesempatan berkenaan paling berharga bagi rakyat jelata dan peluang keemasan untuk mempamerkan ketaatan, kecintaan orang Brunei kepada raja, kerabat diraja dan negara.

>> Muka 9


DYTM Paduka Seri Pengiran Muda 'Abdul Mateen dan YAM Pengiran Anak Isteri Anisha Rosnah kelihatan sungguh ceria dan gembira di dalam kenderaan Kenaikan Khas dengan konsep terbuka untuk memudahkan orang ramai menatap ketampanan dan kejelitaan wajah Pengantin Diraja.



GILANG GEMILANG... Suasana Majlis Istiadat Perarakan Pengantin Diraja mengelilingi ibu negara (kiri dan bawah).





KETIKA Kenaikan Khas yang membawa Pengantin Diraja tiba, rakyat jelata dan penduduk daripada pelbagai peringkat usia termasuk para pelancong asing yang membanjiri ibu negara sejak awal pagi lagi melambai-lambaikan tangan, menjunjung tahniah dan terharu sambil kedua-dua Pengantin Diraja yang bagai pinang dibelah dua membelaq lambai dengan ukiran senyuman yang penuh mesra (atas dan atas kanan).

>> Muka 8

Majlis Istiadat Perkahwinan Diraja berkenaan bukan sahaja disaksikan oleh rakyat dan penduduk di negara ini malahan turut mendapat perhatian dunia melalui siaran-siaran langsung dari Radio Televisyen Brunei dan liputan daripada para wartawan dan jurugambar daripada pelbagai organisasi media antarabangsa.

Istiadat yang menjadi ristaan sejarah berkenaan, setentunya akan menjadi kenangan yang sangat berharga bukan sahaja kepada generasi pada hari ini bahkan bagi generasi akan datang terutama bagi ribuan kanak-kanak apabila mereka menjangkau usia remaja nanti.

Bersulamkan adat istiadat yang diwarisi sejak turun-temurun, nilai-nilai budaya bangsa yang menjunjung tinggi adat dan adab yang murni lagi luhur amat terserlah dalam istiadat-istiadat kebesaran diraja di negara ini.

Ini bermakna sekali lagi Negara Brunei Darussalam turut mewajahi dunia dengan mempersembahkan kegemilangan Majlis Istiadat Perkahwinan Diraja yang penuh dengan keunikan warisan serta memartabatkan adat istiadat diraja yang ditunjangi falsafah negara Melayu Islam Beraja.

Semoga Allah Subhanahu Wata'ala mengurniakan kebahagiaan kepada kedua-dua mempelai diraja. 'Allah Selamatkan Pengantin Diraja'.

ORANG ramai juga tidak melepaskan peluang merakam detik-detik bersejarah berkenaan melalui telefon pintar dan kamera masing-masing yang setentunya akan disimpan dan diabadikan sebagai kenangan sepanjang zaman (atas kanan, kanan, bawah).



WALUPUN keadaan cuaca panas terik namun ia tidak melemahkan semangat rakyat dan orang ramai bahkan semakin menyemarakkan lagi Majlis Istiadat Perarakan Pengantin Diraja (kiri dan kiri sekali).

BERMUNAJAT, ISTIGHFAR MOHON KEAMPUNAN ALLAH

Siaran Akhbar dan Foto : Kementerian Hal Ehwal Ugama

BANDAR SERI BEGAWAN, Ahad, 14 Januari. - Malam Munajat anjuran Kementerian Hal Ehwal Ugama (KHEU) diteruskan lagi malam tadi untuk kali ke-120 bertempat di Masjid Ash Saliheen dan secara maya.

Acara dimulakan dengan bacaan Sayyidul Istighfar dan Surah Al-Fatiha dipimpin oleh tetamu khas, Ketua Bahagian Perhubungan Kerajaan dan Projek Khas, Bank Islam Brunei Darussalam (BIBD), Awang Haji Mohammad Yusri bin Haji Wahsalfelah.

Seterusnya bacaan Surah Al-Mulk beramai-ramai dipimpin oleh Pegawai Syariah BIBD, Awang Haji Roslan bin Haji Alli.

Diikuti Doa Munajat dibacakan oleh Pegawai Tugas-Tugas Khas Tingkat II, Bahagian Kaunseling dan Kefahaman Agama, Jabatan Hal Ehwal Syariah, KHEU, Awang Muhammad Yussof bin Haji Abdul Majid.

Manakala, tazkirah disampaikan oleh Penolong Pensyarah Kolej Universiti Perguruan Ugama Seri Begawan (KUPU SB), Awang Abdul Rahman bin Haji Ajak bagi menyertai lagi Malam Munajat.

Pengisian tazkirah antara lain menyentuh mengenai Penggunaan

Harta dalam pandangan Tasawwuf yang mana Imam ah Haddad membahagikan penggunaan harta kepada tiga golongan iaitu pertama, golongan yang mengambil harta kurang dari keperluan. Pada hakikatnya mereka memerlukan, tapi mereka melebihkan orang lain dari diri mereka sendiri. Golongan ini adalah golongan para Nabi dan Rasul. Golongan ini dipanggil Khususul Khusus.

"Kedua, golongan yang mengambil harta sekadar perlu. Golongan ini mengambil sekadar yang perlu dalam hidup. Jika lebih dari keperluannya, maka diserahkan kepada orang lain. Golongan ini dipanggil golongan Khusus dan Ketiga, golongan yang mengambil lebih dari perlu. Ini adalah golongan orang awam dan keadaan mereka ada dua keadaan iaitu jika lebihan harta itu digunakan dengan cara baik dan halal, maka golongan ini golongan yang selamat. Sebaliknya, jika mereka menggunakan harta dengan cara yang dilarang, malah membelanjakan kepada yang haram, maka golongan ini golongan tercela," tambahnya.

Sejurus selesai tazkirah, bacaan Asmaul Husna dipimpin oleh



MALAM Munajat anjuran Kementerian Hal Ehwal Ugama diteruskan lagi untuk kali ke-120 bertempat di Masjid Ash Saliheen dan secara maya. Turut menyertai, Yang Berhormat Menteri Hal Ehwal Ugama.

Juruaudit Syariah BIBD, Awang Mohammad Hazame bin Haji Zainal.

Bagi memberkati acara Munajat, bacaan Doa Peliharakan Sultan dan Negara Brunei Darussalam oleh Pegawai Hal Ehwal Masjid, Jabatan Hal Ehwal Masjid, KHEU, Awang Haji Mohammad Izzat Izzuddin bin Begawan Pehin Khatib Dato Paduka Haji Emran.

Acara Malam Munajat itu juga disertai oleh Menteri Hal Ehwal Ugama, Yang Berhormat Pehin Udina Khatib Dato Paduka Seri Setia Ustaz Haji Awang Badaruddin bin Pengarah Dato Paduka Haji Awang Othman.

Turut mengimarahkan ialah warga kerja BIBD; ahli jawatankuasa takmir, para jemaah serta belia dari Masjid Ash Shaliheen; dan beberapa buah masjid termasuk surau dan balai ibadat yang keseluruhannya 73 buah di seluruh negara.

Juga meramai-ramaikan, warga kerja KHEU dan Jabatan-jabatan serta Institusi-institusi Pendidikan di bawahnya bersama keluarga dari kediaman masing-masing.

Malam Munajat anjuran Kementerian Hal Ehwal Ugama mengajak orang ramai untuk bersama-sama mempertingkatkan amalan kerohanian, meminta

keampunan dari Allah Subhanahu Wata'ala dengan beristighfar, membaca ayat-ayat suci Al-Quran dan menghayati maknanya serta merafakkan dan mengamalkan doa secara serentak beramai-ramai dengan harapan agar Negara Brunei Darussalam dan seluruh rakyat dan penduduknya terselamat dari segala bala bencana dan penyakit merbahaya.

Orang ramai adalah sangat dialu-alukan menyertai acara Malam Munajat pada setiap hari Sabtu Malam Ahad secara maya melalui pautan <https://tiny.cc/munajatkheu> atau <https://www.facebook.com/pdi.kheu>.

Penyerahan sumbangan derma Tabung Kemanusiaan Rakyat Palestin



PENYAMPAIAN derma disampaikan oleh Pengerusi-pengerusi Bersama Persembahan kepada Pemangku Pegawai Daerah Tutong, Awang Mohammad Sofian bin Haji Basri.

Siaran Akhbar dan Foto : Jabatan Daerah Tutong

TUTONG, Sabtu, 13 Januari. - Pengerusi-pengerusi Bersama Persembahan Kebudayaan Etnik Daerah Tutong telah

mengadakan Majlis Penyampaian Derma Tabung Kemanusiaan Palestina yang berlangsung di Dewan Kediaman Rasmi

Pegawai Daerah Tutong, hari ini. Derma yang diserahkan berjumlah BND2,269.15 merupakan hasil jualan tiket Malam Persembahan Kebudayaan Etnik Daerah Tutong anjuran

Institusi Penghulu Mukim dan Ketua Kampung Daerah Tutong.

Penyampaian derma tersebut telah disampaikan oleh Pengerusi-pengerusi Bersama Persembahan kepada Pemangku

Daerah Awang Mohammad Sofian bin Haji Basri yang seterusnya akan disampaikan kepada Urusetia Tabung Kemanusiaan Palestin di Gaza 2023.

Kanser Kolorektal

Kanser kolorektal adalah kanser no. 1 di kalangan lelaki dan no. 2 di kalangan wanita di Negara Brunei Darussalam.

Lelaki	Wanita
--------	--------

Kanser Kolorektal adalah penyebab bagi 22% kanser lelaki dan 12% kanser wanita

Faktor Risiko:

- Lelaki mempunyai risiko yang lebih tinggi dari wanita.
- Mempunyai ahli keluarga yang menghidap kanser kolorektal.
- Pernah menghidap kanser kolorektal.
- Berat badan yang berlebihan.
- Merokok.
- Tidak aktif.
- Diet yang rendah serat dan tinggi lemak.
- Meminum minuman keras yang berlebihan.

Langkah Pencegahan:

- Tidak merokok.
- Perbanyakkan memakan buah-buahan dan sayur-sayuran.
- Elakkan meminum minuman keras.
- Meningkatkan aktiviti fizikal.
- Pengesanan awal untuk kanser kolorektal.

Tanda-tanda kanser kolorektal:

- Perubahan dalam pergerakan usus.
- Darah dalam najis.
- Sakit perut yang berpanjangan.
- Kembung perut.
- Kurang selera makan.

PENGESANAN AWAL DAPAT MENYELAMAT NYAWA

Untuk maklumat lanjut mengenai Program Pemeriksaan Kanser Kolorektal, sila layari www.ppkk.gov.bn

GOTONG-ROYONG BERSIH TAMAN RIADAH

Oleh : Hajah Siti Zuraiyah Haji Awang Sulaiman
Foto : Ihsan Majlis Perundingan Kampung Jerudong 'A'

JERUDONG, Sabtu, 13 Januari. - Ahli Majlis Perundingan Kampung Jerudong 'A', (MPKJA) mengadakan Kempen Bergotong-royong membersihkan kawasan Taman Riadah berhampiran letak kereta Istana Nurul Izzah Kampung Jerudong, baru-baru ini.

Hadir bersama-sama Ahli MPKJA ialah Pemangku Ketua Kampung Jerudong 'A', Awang Mohamad Nazmi Faiz bin Haji Abu Bakar. Juga hadir, Penasihat dan Ahli-ahli Jawatankuasa Tertinggi MPKJA.

Kerja-kerja gotong-royong mengutip sampah itu merupakan inisiatif bagi membisaikan kawasan sekitar Kampung Jerudong di mana sejumlah 10 beg sampah dikumpulkan semasa kempen

berkenaan.

Pemangku Ketua Kampung Jerudong 'A' berharap orang ramai yang mengunjungi kawasan riadah akan lebih peka tentang penjagaan kebersihan dan tidak membuang sampah merata-rata tempat lebih-lebih lagi ketika negara dikunjungi tetamu luar negara sempena Istiadat Perkahwinan Diraja.

AHLI majlis Perundingan Kampung Jerudong 'A' mengadakan Kempen Bergotong-royong membersihkan kawasan Taman Riadah berhampiran letak kereta Istana Nurul Izzah Kampung Jerudong.



Tempahan hotel penuh menjelang Istiadat Perarakan Pengantin Diraja



ANTARA penginapan hotel-hotel di kawasan ibu negara yang telah penuh ditempah oleh para pengunjung yang ingin menyaksikan majlis perarakan sempena dengan Majlis Istiadat Perarakan Pengantin Diraja (atas dan bawah).

Oleh : Khartini Hamir
Foto : Azmah Haji Ahad

BANDAR SERI BEGAWAN, Sabtu, 13 Januari. - Sempena dengan Majlis Istiadat Perarakan

Pengantin Diraja antara Duli Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Muda Abdul Mateen ibni Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin

Waddaulah dengan Yang Mulia Dayang Anisha Rosnah binti Adam, penginapan hotel-hotel di kawasan ibu negara telah penuh ditempah oleh para pengunjung yang ingin menyaksikan majlis perarakan berkenaan nanti.

Menurut Awang Md. Hilmi bin Haji Bujang selaku Senior Guest Service Agent daripada salah sebuah hotel terkemuka di ibu negara ketika ditemui menyatakan penginapan berkenaan bukan sahaja ditempah oleh para pengunjung yang ingin menyaksikan majlis istiadat berkenaan akan tetapi juga turut ditempah oleh para petugas yang terdiri daripada pegawai dan kakitangan kerajaan dan juga swasta yang akan terlibat sama pada majlis berkenaan bagi memudahkan urusan perjalanan dan melancarkan tugasannya mereka.

Turut difahamkan juga, rakyat dan penduduk di negara ini turut menempah penginapan untuk satu malam bagi mendapatkan pemandangan yang baik untuk



Pemakluman pertukaran tempat Kursus Pra Nikah



MAKLUMAN

Kursus Pra-Nikah Daerah Brunei Dan Muara

16 dan 17 Januari 2024

السلام عليكم ورحمة الله وبركاته

Kursus Pra-Nikah bagi Daerah Brunei Dan Muara yang dijadualkan pada **16 dan 17 Januari 2024** bertempat di Dewan Multaqa, Bangunan Tambahan Kementerian Hal Ehwal Ugama akan berpindah ke **Dewan Serbaguna Sekolah Ugama Pengiran Anak Puteri Muta-wakkilah Hayatul Bolkiah, Serusop** (masa tidak berubah) atas sebab perkara yang tidak dapat dielakkan.

Sekian, terima kasih

2241267

bknk.kheu

bknk@mora.gov.bn

Siaran Akbar : Kementerian Hal Ehwal Ugama

BANDAR SERI BEGAWAN, Sabtu, 13 Januari. - Bahagian Khidmat Nasihat Keluarga, Jabatan Hal Ehwal Syariah, Kementerian Hal Ehwal Ugama (KHEU) ingin memaklumkan bahawa Kursus Pra Nikah bagi Daerah Brunei dan Muara yang dijadualkan pada 16 dan 17 Januari 2024 bertempat di Dewan Multaqa, Bangunan Tambahan KHEU akan berpindah ke Dewan Serbaguna Sekolah Ugama Pengiran Anak Puteri Muta-Wakkilah Hayatul Bolkiah, Serusop. Sehubungan itu, waktu kursus tersebut adalah masih seperti biasa. Ini adalah atas sebab perkara yang tidak dapat dielakkan.

melihat pasangan Pengantin Diraja ketika berarak nanti.

Tempahan-tempahan berkenaan mula diterima sejak awal Oktober lepas sehingga beberapa hari yang lalu.

Majlis Istiadat Perarakan Pengantin Diraja dijangka akan berlangsung pada Ahad, 14 Januari 2024 ini nanti.

Dalam pada itu, orang ramai dinasihatkan untuk sentiasa mengambil langkah-langkah waspada dan mematuhi segala peraturan yang diarahkan dari semasa ke semasa bagi sama-sama melancarkan majlis berkenaan nanti.

Bagi para pengunjung hotel

dinasihatkan untuk sentiasa memastikan barang peribadi mereka tersimpan dengan cermat dan selamat bagi mengelakkan sebarang perkara yang tidak diingini berlaku.

Dengan kadar jangkitan Influenza-Like Illness (ILI) dan COVID-19 yang masih berleluasa ketika ini disarankan juga agar orang ramai perlu sentiasa mengambil langkah-langkah dengan memakai sungup muka jika perlu serta sentiasa menjaga dan mengamalkan kebersihan diri dengan baik, dan menjaga kesihatan diri lebih-lebih lagi dengan suhu keadaan cuaca yang tidak menentu.





JABATAN PERBENDAHARAAN
KEMENTERIAN KEWANGAN
DAN EKONOMI
NEGARA BRUNEI DARUSSALAM



Tawaran :
JPH / TAW-P / 260014 / 01 (R)
CROCODILE RELOCATION
PROGRAM FOR BRUNEI
DARUSSALAM



PUSAT PEMBANGUNAN BELIA
KEMENTERIAN KEBUDAYAAN
BELIA DAN SUKAN
NEGARA BRUNEI DARUSSALAM

KENYATAAN TAWARAN
'TENDER NOTICE'

Tajuk Sebut Harga :
TERMS CONTRACT
12 MONTHS TO SUPPLY,
DELIVERY AND
COMMISSIONING OF
MATERIALS FOR
PLUMBING COURSE AT
YOUTH DEVELOPMENT
CENTRE,
MINISTRY OF CULTURE,
YOUTH AND SPORTS.

Bilangan Sebut Harga :
11 / 2023 / KKBS / PPB / 19 [R]

Tarikh Tutup :
Tidak lewat jam 2.00 Petang,
Khamis 25 Januari 2024.



Pemberitahuan Sebut Harga

Bilangan Tawaran :
JPKK / JKSH2324-QTN.10 / FSS

Tajuk Tawaran :
MEMBEKALKAN
PERABOT PEJABAT
UNTUK KEGUNAAN
KEMENTERIAN-KEMENTERIAN
DAN JABATAN-JABATAN
KERAJAAN

Tarikh Tutup / Jam :



Sabtu, 27 Januari 2024
Jam 9.00 Pagi

Tarikh Tutup Tawaran :
Selasa, 30 Januari 2024
Jam : 2.00 Petang.

**Borang Pendaftaran Syarikat
(Jika belum berdaftar) :**
BND10.00

Borang Tawaran :
BND15.00

Yuran Tawaran :
BND30.00
-Tidak Dikembalikan-

Tarikh terakhir untuk membeli



dokumen tawaran adalah pada
Khamis, 18 Januari 2024,
Jam 2.30 Petang.



JABATAN KERJA RAYA
KEMENTERIAN
PEMBANGUNAN

Dibuka Kepada
Pemborong-Pemborong
Yang Berdaftar Di Dalam

Kelas :
IV, V & VI sahaja

Kategori :
KA01 Kod Baharu

Bilangan Tawaran :
JKR / DTS / 01 / CQS / 2024-T/V
(SP)

Nama Projek :
Kerja-Kerja Membaik Pulih
Tanah Susur
Di Bukit Kayangan

Yuran Tawaran :
BND500.00
(Tidak dikembalikan)

E-Dokumen :

**Tarikh Akhir Mengambil
Dokumen Tawaran Pada :**
23 Januari 2024

Tarikh Tutup Tawaran :
Selasa, 6 Februari 2024
Jam 2.00 Petang



KEMENTERIAN HAL EHWA
DALAM NEGERI

JABATAN BANDARAN
BANDAR SERI BEGAWAN
KEMENTERIAN HAL EHWA
DALAM NEGERI
NEGARA BRUNEI DARUSSALAM

Kenyataan Tawaran

Bilangan Tawaran :
JBBSB / LTK / 2023 – 2024 / 06 /
UPA

Nama Tawaran :
PENYEWAAN BANGUNAN
PASAR TERHAD,
JALAN TERAJA
BANDAR SERI BEGAWAN

Tarikh Tutup Tawaran :
Selasa, 30 Januari 2024,
Jam 2.00 Petang



KEMENTERIAN HAL EHWA
DALAM NEGERI

JABATAN BANDARAN
BANDAR SERI BEGAWAN
KEMENTERIAN HAL EHWA
DALAM NEGERI
NEGARA BRUNEI DARUSSALAM

Kenyataan Tawaran

Bilangan Tawaran :
JBBSB / LTK / 2023-2024 / 07 /
UPA

Nama Tawaran :
THE MANAGEMENT
AND OPERATION
OF CAR PARKS IN
BANDAR SERI BEGAWAN
CENTRAL BUSINESS DISTRICT

Tarikh Tutup Tawaran :
Selasa, 6 Februari 2024,
Jam 2.00 Petang



KEMENTERIAN SUMBER-
SUMBER UTAMA DAN
PELANCONGAN



JABATAN PERIKANAN
KEMENTERIAN SUMBER-
SUMBER UTAMA DAN
PELANCONGAN
NEGARA BRUNEI DARUSSALAM

Bilangan Sebut Harga :
IKAN / 78(Q) / 0063 / 2023

Tajuk Sebut Harga :
TO PROVIDE TECHNICAL
SERVICE PHASE 2
FOR FISHERY PRODUCTS
(SHRIMP / PRAWNS)
IN COMPLIANCE TO ISO/IEC
17025 STANDARDS
COMPLETE WITH LOGO OF
ACCREDITATION BODIES
(SAMM, SAC SINGLAS,
UKAS, ETC.)
ON THE TEST RESULTS
REPORT

Tarikh Tutup :
Khamis, 18 Januari 2024
Jam 2.00 Petang.



PERATURAN PENGIKLANAN (SEKTOR AWAM / KERAJAAN)

DI PELITA BRUNEI



IKLAN dalam salinan liut (*soft copy*)
hendaklah dihantar dan diterima oleh
Meja Iklan bagi **Iklan Tawaran TIDAK**
kurang dari empat (4) minggu dan
Iklan Sebut Harga TIDAK kurang dari
dua (2) minggu sebelum tarikh iklan
dicadangkan untuk diterbitkan.

Rang Iklan hendaklah jelas dan mudah
dibaca menggunakan **Microsoft Word**
dengan **Font ARIAL saiz 12** dan Rang
Iklan tersebut **MESTILAH** dihantar
menggunakan **BAHASA MELAYU**
SAHAJA.



- Sila sertakan dokumen-dokumen yang berkaitan dan nyatakan apa-apa keperluan iklan berkenaan, seperti tarikh terbitan untuk diiklankan dan sebagainya.

Iklan berkenaan bolehlah
dihantar melalui :

E-MEL :

iklan.pb@information.gov.bn

BAGI SEBARANG PERTANYAAN SILA HUBUNGKU :

+673 2383400
sambungan Meja Iklan

SETIAP IKLAN YANG DIHANTAR PERLU MENYERTAKAN NAMA
DAN NOMOR TELEFON YANG MUDAH UNTUK DIHUBUNGKU
MENGENAI IKLAN TERSEBUT.

RUANG IKLAN ADALAH TERHAD.

IKLAN-IKLAN HENDAKLAH MEMATUHI TERMA DAN SYARAT.



جوالن سالین کمب۲ دیگیتل

JUALAN SALINAN GAMBAR-GAMBAR DIGITAL



HARGA JUALAN

Penjualan harga bagi satu gambar digital adalah BND20.

Penjualan cd sekeping adalah BND1. Penjualan satu gambar digital dan satu keping cd adalah BND21.

(Gambar-gambar yang hanya melibatkan ahli kerabat Diraja tidak akan dijual).

TEMPAT MENERIMA TEMPAHAN GAMBAR/ MENERIMA BAYARAN

Kaunter Unit Fotografi bagi menerima tempahan gambar dan tempat menerima pembayaran Kaunter Unit Kewangan, Jabatan Penerangan.

JENIS-JENIS

Penjualan salinan gambar-gambar digital yang terdapat dalam laman galeri Infofoto (www.infofoto.gov.bn)

dan juga gambar-gambar yang terdapat dalam simpanan jabatan yang diambil oleh warga Jabatan Penerangan.

IBU PEJABAT JABATAN PENERANGAN

JABATAN PENERANGAN,
JABATAN PERDANA MENTERI,
LAPANGAN TERBANG LAMA,
BERAKAS, BB3510,
NEGARA BRUNEI DARUSSALAM

TALIAN : 2383400
FAKS : 2382242

GAMBAR BOLEH DIBELI MELALUI:
KAUNTER UNIT FOTO, ARAS BAWAH,
BANGUNAN ASAL JABATAN PENERANGAN

WAKTU PERNIAGAAN

Isnin - Khamis
8.00 Paggi – 12.00 T/hari
2.00 Ptg – 3.00 Ptg
Sabtu
8.00 Paggi – 11.00 Paggi



InfoDeptBN



Jabatan Penerangan
Jabatan Perdana Menteri
Brunei Darussalam



infodept.bn



infodept_bn

KETAHUI SUMBER GARAM AWDA



**GARAM TERDIRI
DARI 40% SODIUM**



TIPS

1

Pilih makanan segar dan tidak berproses

2

Pilih produk makanan yang berlabel pilihan lebih sihat



3

Pilih produk makanan kurang / rendah / tanpa garam

4

Kurangkan pengambilan sup dan kuah yang masin

5

Elakkan makanan terlalu masin: ikan masin, telur masin, asam samboi dan pelbagai jenis jeruk

JUMLAH SODIUM DALAM SATU HIDANGAN

1385 mg



1 bungkus
Mee Segera

1000 mg



Sebijii
Telur Masin

880 mg



1 sudu makan
Kicap

376 mg



3 sudu makan
Corned Beef

295 mg



1 bungkus kecil
Keropok Ubi Kentang

243 mg



1 bungkus kecil
Keropok Udang Tempatan

120 mg



1 cawan
Kentang Goreng

116 mg



Segenggam
Kacang Tanah (Salted)

15 mg



3 keping
Kraker Beras

2.4 mg



1/2 cawan
Amping

1.7 mg



Segenggam
Kacang Tanah (Unsalted)

1.2 mg



Sebijji ukuran sederhana
Pisang

Bagi mengekalkan kesihatan yang baik, adalah disyorkan untuk mengambil kurang dari **satu sudu teh garam (5 gram garam atau 2000 miligram sodium) sehari**

Pengambilan garam yang berlebihan boleh menyebabkan penyakit darah tinggi, meningkatkan risiko awda menghidap penyakit jantung dan strok



@hpcbrunei



Health Promotion Centre



Talian Darussalam 123

SYUKURI NIKMAT KEAMANAN, KEMAKMURAN NEGARA

Oleh : Pg. Siti Redzaimi Pg. Haji Ahmad
Foto : Jabatan Penerangan

BANDAR SERI BEGAWAN, Sabtu, 13 Januari. - Dengan adanya keamanan, rakyat dapat hidup dengan selesa, tidak ada huru-hara dan kekacauan, manakala kemajuan pula dapat dijana dan keselamatan dapat di rasa.

Justeru, sesungguhnya anugerah keamanan dan keharmonian negara yang kita nikmati ini perlulah disyukuri dan dipertahankan oleh seluruh rakyat dan penduduk.

Demikianlah antara pembukaan khutbah Jumaat yang telah disampaikan baru-baru ini, bertajuk 'Keamanan : Nikmat yang paling berharga'.

Pegawai Perkembangan Ugama, Pusat Da'wah Islamiah juga selaku Ketua Unit Dakwah Daerah Belait, Awang Haji Muskrisman Safari bin Haji Mustapa turut mengongsikan sedikit sebanyak mengenai huriahan khutbah yang mana keamanan dan kemakmuran merupakan nikmat yang tidak ternilai harganya dan amat beruntunglah negara kita, Negara Brunei Darussalam sehingga kini merasakan nikmat tersebut yang merupakan anugerah dari Allah Subhanahu Wata'alua jua.

Menurutnya, dalam mengekalkan nikmat tersebut, kita setentunya mematuhi akan segala perintah Allah selain sama-sama mendukung perlembagaan negara, undang-undang dan peraturan negara agar negara kita akan sentiasa terjaga dan mendapat perlindungan Allah.

"Dalam era siber dan



SEKITAR kawasan Masjid Omar 'Ali Saifuddien dan Bahtera Mahligai di Bandar Seri Begawan.

perkembangan teknologi yang semakin pesat ini, cabaran trend menjah siber menjadi semakin berleluasa.

"Maka usaha sama masyarakat dalam membendung perkara ini amat dititikberatkan dalam menjadikan sesebuah negara itu sebagai sebuah negara yang paling selamat," ujarnya.

Justeru tambahnya, marilah kita sama-sama menanamkan tanda syukur Allah Subhanahu Wata'alua dan berdoa agar nikmat keamanan dan kemakmuran akan sentiasa dinikmati, hidup diberkati dan agama Islam disanjungi serta raja dirahmati.

Khutbah Jumaat juga banyak menyentuh mengenai peranan

Pasukan Polis Diraja Brunei (PPDB) dalam memastikan kesejahteraan dan keamanan sentiasa terkawal di negara kita ini, PPDB merupakan antara salah satu agensi keselamatan kerajaan yang tertua yang diamanahkan dan dipertanggungjawabkan di dalam menegakkan keamanan, kesejahteraan dan keharmonian

masyarakat dan negara.

Sememangnya tugas menjaga keamanan negara merupakan tugas dan tanggungjawab utama PPDB yang amat mencabar, lebih-lebih lagi di dalam arus kemodenan dan teknologi yang semakin canggih ini.

Di samping itu, masyarakat juga mempunyai peranan dalam sama-sama menjaga keamanan.

2 pelajar UNISSA ikuti kursus bahasa Arab di Kesultanan Oman



Siaran Akbar dan Foto : Universiti Islam Sultan Sharif Ali

BANDAR SERI BEGAWAN, Sabtu, 13 Januari. - Dua pelajar Sarjana Muda Bahasa Arab dan Terjemahan daripada Fakulti Bahasa Arab (FBA), Universiti Islam Sultan Sharif Ali (UNISSA)

iaitu Awang Aiman Abadiyah binti Haji Sopian dan Dayang Filzah Afiqah binti Chuchu telah berlepas ke Kesultanan Oman untuk mengikuti Kursus Intensif Bahasa Arab di Sultan Qaboos College

for Teaching Arabic to Non-Native Speakers selama lapan minggu mulai 11 Januari 2024 dan dijangka kembali ke tanah air pada 10 Mac 2024.

Hadir di Lapangan Terbang Antarabangsa Brunei bagi mengucapkan selamat belyar

ialah Dekan FBA, Dr. Hajah Rafidah binti Haji Abdullah berserta dengan pensyarah serta pegawai Fakulti Bahasa Arab.

Antara tujuan kursus ini adalah untuk memenuhi tawaran dari Kesultanan Oman dengan harapan memperkembangkan hubungan

dan kerjasama antara kedua belah pihak.

Dengan adanya kerjasama ini, pelajar dapat memanfaatkan peluang yang ada dalam meningkatkan mutu kemahiran dan keyakinan berbahasa Arab di persekitaran sebenar.

Ia juga bertujuan untuk membimbing pelajar melangkah keluar dari zon selesa mereka, di samping meningkatkan keyakinan diri untuk hidup berdikari di luar negara.

Pihak FBA sangat berbangga dengan pencapaian kedua-dua pelajar berkenaan dan berharap pengalaman yang bakal mereka peroleh di Oman dapat dimanfaatkan sebaik-baiknya agar menjadikan mereka sebagai individu yang berkualiti, berwibawa dan bertaraf antarabangsa.

سردال سري

كامان: نعمت فالیع بر هر ک

فاسوکن فولیس دراج بروني مغاتور ستراتیجی-ستراتیجی دان مرغکا فغهوان دان کماهین دالم منیعکشکن فریستاسی، کوالیچی دان کچکن دالم مناغنی ترند جنایه يع سماکین منجابر دان کومپلیکس تراوتامن جنایه سیبر (CYBER) يع سماکین برللواسا.

فاسوکن فولیس دراج بروني مغاتور ستراتیجی-ستراتیجی دان مرغکا فرخعن يع منتف دالم مناغنی جنایه-جنایه ابرا بهارو يع داتعن دالم قلبکی بنتوق باکی منجابر متلمت واوسن بروني ۲۰۳۵ دالم مقرتاهنکن کدلونن دان کستایبلن، اکر نکارا بروني دارالسلام منجادی ساله سبواه نکارا يع فالیع سلامت دنیا، فاسوکن فولیس دراج بروني جوک اکن سنتیاس برساف سدیا دان مپسوایکن دیری دعن فرسکیرن يع سماکین رومیت دان کومپلیکس اکر فاسوکن فولیس اکن سنتیاس برادا ساتو تافق دهادن دالم مستیکن کامانن سنتیاس ترجامین.

جماعه يع درجمی الله،

قد ۱ جانواری ۲۰۲۴ يع لالو کفله سراتوس تیک تاهون او سیا فاسوکن فولیس دراج بروني، فکاوای دان اگکوتا فاسوکن فولیس هندقه سنتیاس منبای آمانه سجارا فروفسیبونال، بردیسلینن تیکنی، برصفة عادل دان تیدق قیلیه کاسیه، جادیله فکاوای دان اگکوتا فاسوکن يع فرواکیف دالم سام-سام منجادیکن فاسوکن فولیس دراج بروني سبواه اور کانیساسي يع چمراه، دفرچایی دان دسکانی او لیه مشارکت. دهارف ورکا فاسوکن فولیس اکن تروس براؤسها اونتوق منیعکشکن لاکی فغهوان دان منجایی ک تاهف يع تیکنی باکی میکول تغکو غحواب يع دامانهکن.

جادیله جونوه دان اینستیکر سی يع بایک کفند مشارکت اکر کرجای سپاکی فولیس این تیدق دقندغ سیبل لیوا، کران کرجای فولیس اینه يع برتعکو غحواب دان دامانهکن اونتوق ملیندوشی مشارکت درقد جنایه-جنایه يع مخنجم کدلونن نکارا.

آخر، سام-سامله کیت برداعه اکر کیت سموا اکن سنتیاس براؤسها مفتریغکشکن کامانن دان کنکوان کفند الله سُبْحَانَهُ وَتَعَالَى دعن سرت برخدمت دعن فتوه إخلاص دان آمانه، موده-مودهن اکام، بعسا دان نکارا کیت اکن سنتیاس ترقیههارا سرت مندافت فرلیندوغن الله سُبْحَانَهُ وَتَعَالَى. آمین يا رب العالمین.

دان (ایختله) کیک نبی ابراهیم بردعاه: يا توهنهکو! جادیکله نکری مکه این نکری يع آمان دامی دان کورنیاکنله رزقی درقد برپاکی-باکی جنیس بواه کفندو دون یا لیت باکی سیاف انتارا میریک يع بریامان کفند الله دان هاری آخریه. الله برفرمان: (فَرَمَّوْهُنَّ مَوْا أَكُو تِرِيَا) تناهی سیاف يع إیغکر مک اکو اکن بری جوک دی منععی رزقی ایت باکی سیستارا وقو (دنیا) کمودن اکو مقسان (دعن مپیرین) کعذاب نراک. دان ایتلہ سبوروق-بوروق غفت کمیالی. {سوره البقره آیه: ۱۲۶}

بازک الله لنا في القرآن العظيم، وَنَفَعْنَا بِالآياتِ وَالذِّكْرِ الْحَكِيمِ. وَتَقَبَّلَ مِنَ الْأَوْتَهُ إِنَّهُ هُوَ السَّمِيعُ الْعَلِيمُ، وَأَسْتَغْفِرُ اللَّهَ الْعَظِيمَ لِي وَلَكُمْ وَلِسَائِرِ الْمُسْلِمِينَ وَالْمُسْلِمَاتِ وَالْمُؤْمِنِينَ وَالْمُؤْمِنَاتِ فَاسْتَغْفِرُوكُمْ فَيَا فَوْزُ الْمُسْتَغْفِرِينَ وَيَا نَجَاهَةَ التَّائِبِينَ.

جماعه يع درجمی الله،

برتقوی له کیت کحضره الله سُبْحَانَهُ وَتَعَالَى دعن منیعکشکن کلماعن کفندن. سسغکوهن اورغ يع فالیع ملیا دسمی الله سُبْحَانَهُ وَتَعَالَى ایله اورغ يع فالیع برتفوی. موده-مودهن کیت منجادی إنسان يع سنتیاس مغایعی الله سُبْحَانَهُ وَتَعَالَى، براؤله کجیان دان کسلامن ددیا دان جوک دأخیره.

جماعه يع درجمی الله،

الحمدله، کیت برشكور کحضره الله سُبْحَانَهُ وَتَعَالَى کران مغورنیاکن کامانن دان کممورن کفند نکارا کیت. کامانن اداله نعمت کورنیان الله سُبْحَانَهُ وَتَعَالَى يع امت بر هر ک. دعن ادان کامانن، رعیت دافت هیدوف دعن سلیسا، تیدق اد هورو هارا دان ککاجاوان، مانکلا کماجاون قول دافت دجان دان کسلامن دافت دراس. جوسزو، کامانن ایت ساشت فتنیع دان بر هر ک باکی سسبواه نکارا.

سسغکوهن انوکره کامانن دان کهرمونین نکارا يع کیت نعمتی این فرلوله دشوکوري دان دفرتاهنکن اولیه سلوروه رعیت دان فندودوق. الله سُبْحَانَهُ وَتَعَالَى برفرمان دالم سوره ابراهیم آیه: ۷:

دان (ایختله) کیک توهن کامو میریتاوو (دعن سجلس-جلسن): دمی سسغکوهن جل کامو برشكور (ترهادف سکل نعمتکو) تتو اکو اکن منمه نعمت ایت کفند کامو دان دمی سسغکوهن جل کامو کوفور (ترهادف نعمت ایت) مک سسغکوهن عذابکو ساشت کراس.

جماعه يع درجمی الله،

دسمیغ ماتوهی فریته الله سُبْحَانَهُ وَتَعَالَى دان منجاوهي لارغن، کیت جوک هندقه مندوکوغ فرلیاکان نکارا، او ندغ-او ندغ دان فرأتورن نکارا کران فرکارا این جوک مبومیغ کفند کامانن نکارا يع سام دجاج دان دلیندوغی ملالوی فاسوکن يع منجاک کامانن یا بت انتارا يع اوتام ایله فاسوکن فولیس دراج بروني.

دراج بروني.

سسوغکوهن دالم مستیکن کسجههان دان کامانن سنتیاس ترکاول دنکارا کیت این، فاسوکن فولیس دراج بروني مروفانکن انتارا ساله ساتو انجیسی کسلامن کراجان يع ترتو اینه دامانهکن دان دفرتعکو غحوابکن دالم منکفکن کامانن، کسجههان دان کهرمونین مشارکت دان نکارا.

سیمیغ توکس منجاک کامانن نکارا مروفانکن توکس دان تغکو غحواب او تام فاسوکن فولیس دراج بروني يع امت منجابر، لیبه-لیبه لاکی دالم اروس کمودن دان تیکنلوجی يع سماکین جغکیه این. دسمیغ ایت، مشارکت جوک مفوبایا چران دالم سام-سام منجاک کامانن.

جوسزو، مشارکت دسرو اکر بر سام-سام ملیندوغی دان منجاک کامانن نکارا ملیندوغی دان منجاک کامانن نکارا سهاروسن دتاني بر سام اولیه مشارکت دمی مفترتاهنکن کدلونن نکارا يع امت کیت سایشی. کرجاسم يع ڈادو انتارا فاسوکن فولیس دراج بروني دان مشارکت اداله ساعت-ساعات دهارفکن دالم سام-سام منجاک کدلونن نکارا. فیهق فاسوکن فولیس دان مشارکت هندقه برکندهی باهو دالم مینترس جنایه دمی مغکلکن کامانن دان کسجههان نکارا کیت يع ترجیتنا.

سسواي دعن ابری سیبر (CYBER) دان فرکمیغ ایکنلوجی يع سماکین

IMBASAN MINGGUAN



PARA pemandu perahu tambang agar berhati-hati ketika membawa penumpang ke destinasi yang dituju dan memakai jaket keselamatan serta bertolak ansur sesama sendiri. - Foto : Azmah Haji Ahad

ISTIADAT Berbedak Pengantin Diraja tampilan istiadat yang penuh beradat dan unik. - Foto : Mohamad Azmi Awang Damit

PANTAI Jerudong Specialist Centre semasa mengadakan acara Makan Malam Amal Dining in the Dark 2024 sempena Hari Antarabangsa Orang Kelainan Upaya (HAOKU). - Foto : Azmah Haji Ahad

PERSATUAN Bola Jaring Kebangsaan Brunei (BNA) menyertai Hong Kong Four Nations 2024 yang bakal berlangsung di Kowloon Park Sports Centre, Hong Kong. - Foto : Hernie Suliana Haji Othman

PARA peserta semasa menyertai BR Patrick Go! Fundraiser Fun Run sejauh 3 kilometer yang bermula dan berakhir di Pantai Serasa. - Foto : Dk. Nur Hafilah Pg. Osman

PELUANG SERTAI KEMPEN DERMA

Siaran Akbar dan Infografik : Kementerian Kesihatan

BANDAR SERI BEGAWAN, Sabtu, 13 Januari. - Kementerian Kesihatan ingin memaklumkan orang ramai bahawa bekalan darah di Pusat Pendermaan Darah dan Tabung-tabung Darah di seluruh negara adalah di tahap yang kritis.

Penderma darah bagi semua Kumpulan Darah A, B, AB dan O adalah sangat diperlukan dengan segera bagi menampung keperluan pemindahan darah di kesemua hospital di negara ini.

Orang ramai yang ingin menderma

bagi penyertaan orang ramai.

Pada Isnin, 15 Januari 2024, Kempen Derma Darah akan diadakan di Perpustakaan Universiti Brunei Darussalam (UBD) di mana ia diadakan bersempena dengan Hari Terbuka Perpustakaan UBD bermula pada jam 9.30 pagi hingga 3.00 petang.

Kempen Derma Darah juga akan diadakan pada Khamis, 18 Januari 2024 di Perpustakaan Dewan Bahasa dan Pustaka Daerah Tutong iaitu bermula pada jam 9.00 pagi hingga 11.30 pagi.

Seterusnya, Kempen Derma

Darah juga akan diadakan di Pusat Pendermaan Darah, Hospital Raja Isteri Pengiran Anak Saleha pada Sabtu, 20 Januari 2024 bermula pada jam 7.30 malam hingga 9.00

TARIKH & MASA	TEMPAT
Isnin 15 Januari 2024 9.30 pagi hingga 3.00 petang	Perpustakaan Universiti Brunei Darussalam Sempena Hari Terbuka Perpustakaan UBD
Khamis 18 Januari 2024 9.00 pagi hingga 11.30 pagi	Perpustakaan Dewan Bahasa dan Pustaka Daerah Tutong
Sabtu 20 Januari 2024 7.30 malam hingga 9.00 malam	Pusat Pendermaan Darah Hospital Raja Isteri Pengiran Anak Saleha

malam. Sehubungan itu, tempahan slot derma darah melalui aplikasi Bloodkad bagi Kempen Derma Darah tersebut adalah sangat digalakkan.



SURUHANJAYA PERKHIDMATAN AWAM
JABATAN PERDANA MENTERI | BRUNEI DARUSSALAM

WWW.RECRUITMENT.GOV.BN | WWW.SPA.GOV.BN

TATACARA MENGHADIRI

• UJIAN • TEMU DUGA • URUSAN RASMI

1 UJIAN ART MASIH PERLU
DISEMAK OLEH PENGAWAL
KESELAMATAN.



KESAHIHAN: 3 HARI DARI TARIKH
MEMUATNAIK KE DALAM BRUHEALTH

2 TUNJUKKAN KOD
BRUHEALTH DAN ART
KEPADА PENGAWAL
KESELAMATAN BANGUNAN.
HANYA KOD HIJAU, KUNING DAN
MERAH DIBENARKAN MASUK.



3 BAGI YANG MEMPUNYAI
KOD UNGU, HENDAKLAH
MENGHUBUNGI PIHAK
URUS SETIA PEJABAT SPA
MELALUI ITALIAN PERHUBUNGAN SPA

query@spa.gov.bn

4 HENDAKLAH MELAPOR
DIRI KEPADA PENGAWAL
KESELAMATAN DI TINGKAT I
TERLEBIH DAHULU.



5 PEMAKAIAN SUNGKUP
MUKA BAGI ORANG RAMAI
YANG DATANG BERURUSAN
KE PEJABAT ADALAH DIGALAKKAN.



6 HADIR PADA TARIKH
DAN WAKTU YANG
DITETAPKAN BAGI UJIAN
ATAU TEMU DUGA.



7 MESTILAH BERPAKAIAN
KEMAS, SOPAN DAN
MENUTUP AURAT.



8 TERUS BEREDAR SETELAH
SELESAI BERURUSAN.

EXIT

Kedai jahit mulai menerima tempahan baju raya

Berita dan Foto : Pg. Vivy
Malessa Pg. Ibrahim



KEDAI-kedai jahit mula sibuk menerima tempahan baju Raya untuk persediaan menjelang Hari Raya Aidilfitri nanti.

TUTONG, Ahad, 14 Januari. - Kedai-kedai jahit di negara ini mula sibuk menerima tempahan baju kurung Hari Raya bagi kaum wanita dan baju cara Melayu lelaki untuk persediaan menjelang Hari Raya Aidilfitri nanti. Walaupun masih terlalu awal untuk membuat tempahan tetapi sesetengah kedai jahit tidak lagi menerima tempahan pada saat-saat akhir menjelang Hari Raya.

Seperi lazimnya, kebanyakan kedai jahit tidak akan menerima tempahan baju jika sudah penuh

kerana ditakut tempahan tidak siap pada waktu yang dijanjikan dan sesetengah kedai jahit pula hanya menerima tempahan yang terhad.

Semasa tinjauan Pelita Brunei ke salah sebuah kedai jahit di Daerah Tutong mendapati tempahan baju raya wanita sudah mula menerima tempahan sejak awal Januari tahun ini.

Menurut salah seorang pelanggan yang kebetulan berada di kedai berkenaan, Dayang Khairunsa binti Awang Brahem, 30 tahun menjelaskan, beliau

terpaksa menghantar kain untuk baju Hari Raya bagi beliau dan kedua-dua anaknya lebih awal ditakut tempahan penuh dan kedai jahit tidak akan menerima jika menghantar pada saat-saat akhir menjelang Hari Raya. Jelasnya, beliau memilih baju fesyen moden bagi baju Hari Raya pada tahun ini.

Manakala pemilihan kain pula katanya, kain sedondon seperti tahun-tahun sebelumnya dan pada tahun ini beliau memilih warna pastel.



TAJUK-TAJUK MINDA PEMBACA :

- ‘Azam Tahun Baharu, Perlu Dicapai’. Tarikh Tutup : 17 Januari 2024
- ‘Kesihatan Suatu Anugerah, Syukuri Nikmat Diberikan’. Tarikh Tutup : 24 Januari 2024
- ‘Jangan Leka Dengan Jenayah Penipuan Kewangan’. Tarikh Tutup : 31 Januari 2024

TERMA DAN SYARAT :

- Penyertaan dibuka kepada orang ramai yang berusia lingkungan 15 hingga 40 tahun, yang terdiri daripada rakyat dan penduduk Negara Brunei Darussalam kecuali warga Jabatan Penerangan.
- Pendapat awda hendaklah ditarap jarak langka dua baris dan panjang pendapat awda mestilah antara 200 hingga 300 patah perkataan.
- Nama penuh, nombor kad pengenalan, alamat lengkap dan nombor telefon hendaklah disertakan dan dihantar kepada :

SIDANG PENGARANG MINDA PEMBACA

Bahagian PELITA BRUNEI, Jabatan Penerangan
Lapangan Terbang Lama, Berakas
Bandar Seri Begawan, BB3510
Negara Brunei Darussalam.
atau melalui

E-mel : pelita.brunei@information.gov.bn

Tunggu apa lagi ... Hantarkan pendapat awda sekarang

Menangi
BND75
SETIAP MINGGU



PWEDB giat aktif dalam pelbagai aktiviti

Rencana : Pg. Vivy Malessa Pg. Ibrahim

Foto : Ihsan Persatuan Warga Emas Daerah Belait

WARGA emas adalah tidak terbanding dengan nilainya dalam memastikan kesejahteraan keluarga, yang akan menyumbang ke arah peningkatan sosial, kemajuan ekonomi, kemakmuran negara, dan ke arah mencapai Wawasan Brunei 2035.

Pengorbanan yang telah disumbangkan oleh setiap warga emas di negara ini demi raja, negara, masyarakat, agama dan bangsa adalah untuk kebaikan generasi kini dan akan datang. Golongan ini juga merupakan aset bernilai memandangkan mereka telah banyak menyumbangkan ilmu pengetahuan dan kepakaran yang mana kehidupan yang kita nikmati pada masa ini adalah hasil titik peluh generasi terdahulu iaitu warga emas. Adalah wajar bagi mereka diberi penghormatan, penghargaan dan memastikan kelangsungan kualiti kehidupan mereka yang lebih bermakna dan sentiasa terjamin.

Dalam memastikan kualiti kehidupan warga emas terus terjamin, Kerajaan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam dengan kerjasama rakan-rakan strategik sentiasa memastikan dalam menyalurkan bantuan kepada warga emas di

negara ini.

Visi penubuhan Persatuan Warga Emas Daerah Belait (PWEDB) menuju ke arah kesejahteraan, peningkatan ekonomi, kesihatan dan keagamaan. Sementara misi persatuan iaitu menyatupadukan warga emas yang berbilang kaum di Daerah Belait dalam merencana apa jua aktiviti yang diinginkan. PWEDB telah ditubuhkan pada 12 Julai 1995.

Keramaian ahli

Persatuan Warga Emas Daerah Belait pada ketika ini ditadbir oleh Setiausaha Agong PWEDB iaitu Awang Mohammad Yunos bin Haji Pungut sehingga tahun 2025. Tiga orang Lembaga Penasihat telah dilantik secara kekal. Jumlah keseluruhan ahli-ahlinya berjumlah 230 orang dan pada setakat tahun 2023 keramaian ahlinya adalah seramai 131 ahli, selebihnya telah kembali ke rahmatullah.

Kegiatan

Ahli PWEDB juga aktif mengadakan dan menyertai pelbagai aktiviti kemasyarakatan,

keagamaan dan kenegaraan. Antaranya menyertai acara Sambutan Hari Kebangsaan dan juga turut serta dalam Majlis Sambutan Ulang Tahun Hari Keputeraan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam semasa berkenan bercemar duli ke Daerah Belait. Di samping itu, ahli persatuan juga aktif menjalankan dan menyertai acara keagamaan iaitu Majlis Sambutan Maulud Nabi Muhammad Sallallahu Alaihi Wasallam bagi peringkat Daerah Belait.

Selain itu, PWEDB juga sering mengadakan acara keagamaan di bulan puasa iaitu Majlis Tadarus dan Majlis Khatam Al-Quran yang diadakan di Masjid Muhammad Jamalul Alam, Kuala Belait; Acara Pengagihan Bubur Asyura yang dibuat oleh para ahli PWEDB; Acara Pengagihan Pakaian dan Barang Terpakai yang masih elok untuk disumbangkan kepada orang ramai yang berminat bertempat di Dewan Pusat Belia Kuala Belait; dan mengadakan Majlis Sambutan Hari Raya Aidilfitri persatuan berkenaan.

Kesimpulan

Dalam memastikan ahli-ahli PWEDB

memeduli hal ehwal kebajikan ahlinya, mana-mana ahli yang sakit dan memerlukan bantuan, maka ahli-ahlinya akan turun padang memberi bantuan kepada mereka yang memerlukan. Selain itu, agensi kerajaan juga banyak membantu dalam meminjamkan fasiliti khususnya dari pihak Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan, Kuala Belait.

Persatuan ini juga turut mengalu-alukan penduduk Daerah Belait yang berumur 50-an dan 60-an untuk menyertai dan menjadi ahlinya bagi meramaikan lagi keahliannya sekali gus menjalankan serta memperbanyakkan kegiatan dan aktiviti selaras dengan visi serta misi persatuan berkenaan. Seperti kata pepatah Melayu, ibarat 'Batang Lidi' apabila banyak dalam satu genggaman nescaya akan menjadi kuat, jika tidak sekarang bila lagi dan jika tidak warga dan penduduk Daerah Belait, siapa lagi yang bakal diharapkan sebagai penerus untuk mengungkapkan pergerakan warga emas yang terdahulu. Menurut Setiausaha Agong PWEDB semasa ditemui bual melahirkan harapan dan memastikan agar ahli PWEDB di masa akan datang untuk bersama-sama bergiat aktif dalam menjalankan dan menjayakan aktiviti berpersatuan.





HARI KE-100 GENCATAN SENJATA DI GAZA KIAN RUMIT, NAMUN MASIH ADA SINAR - PENGANALISIS

KUALA LUMPUR, 14 Jan. - Ahad menandakan hari ke-100 sejak perang Israel-Hamas meletus pada 7 Okt di Semenanjung Gaza dan masih belum ada sebarang petanda bahawa gencatan senjata dapat dilaksanakan sedangkan angka korban dan kemasuhan terus meningkat.

Bagaimanapun, penganalisis Dr Ahmad Badri Abdullah tetap berharap gencatan senjata berkekalan dapat dicapai memandangkan proses rundingan melibatkan pihak berkepentingan masih berterusan.

Beliau yang juga Timbalan Ketua Pegawai Eksekutif Institut Pengajian Islam Lanjutan Antarabangsa (IAIS) Malaysia memberitahu Bernama bahawa beberapa faktor menyumbang kepada harapan gencatan senjata, termasuk pembebasan tebusan, kesediaan Hamas untuk terus berunding, gesaan masyarakat antarabangsa dan Amerika Syarikat (AS) mengurangkan sokongannya terhadap pencerobohan Israel.

Ahmad Badri berkata terdapat usaha antarabangsa untuk menghentikan pencerobohan Israel di Gaza ketika ini, menerusi pemohonan yang dikemukakan

Afrika Selatan di Mahkamah Keadilan Antarabangsa (ICJ) terhadap rejim Israel yang melanggar Konvensyen Genosid 1948 menerusi operasi ketenteraannya di Gaza.

"Afrika Selatan menyenaraikan pelanggaran Konvensyen Genosid, memetik tindakan seperti genosid terhadap rakyat Palestin terutamanya kanak-kanak, pemusnahan tempat tinggal, pengusiran, pemindahan dan melaksanakan sekatan ke atas sumber asas seperti makanan, air dan bantuan perubatan.

"Negara itu juga meminta ICJ melaksanakan langkah sementara agar Israel menangguhkan operasi ketenteraan, menghentikan pembunuhan rakyat Palestin, mencegah pemindahan paksa dan mengatasi masalah kekurangan akses kepada makanan, air, bahan api, tempat tinggal dan sanitasi yang mencukupi," katanya.

Malaysia secara rasmi mengumumkan sokongannya terhadap kes yang dikemukakan Afrika Selatan manakala perbicaraan pertama kes itu diadakan di The Hague pada 11 dan 12 Jan.

Sementara itu, penerimaan resolusi menuntut gencatan senjata kemanusiaan segera oleh Perhimpunan Agung Pertubuhan

Bangsa-Bangsa Bersatu (PBB) pada 12 Dis juga merupakan usaha penting bagi menghentikan serangan berterusan Israel di Gaza, kata Ahmad Badri.

Beliau berkata negara jiran iaitu Qatar menggunakan pengaruhnya dan kepakaran diplomati ke atas Hamas di kawasan konflik bagi membantu mengetui rundingan bersama Mesir.

Pertubuhan antarabangsa seperti Oxfam dan Project HOPE juga menggesa gencatan senjata manakala pada 27 Dis lalu, Pengurus IAIS Malaysia Dr Maszlee Malik telah mengutus surat kepada 19 pemimpin agama di seluruh dunia meminta mereka menyeru kepada gencatan senjata di Gaza.

Bagaimanapun, Ahmad Badri berkata terdapat keimbangan dan cabaran yang boleh menghalang gencatan senjata yang berkekalan, termasuk potensi keganasan kembali berlaku jika akar umbi kepada pencetus konflik itu masih gagal ditangani.

"Situasi di Gaza terus meruncing dengan penduduk berdepan masalah hilang tempat tinggal, kelaparan dan ketakutan terhadap keganasan dan keimbangan pengusiran dari Semenanjung Gaza," katanya.

Hamas menegaskan bahawa gencatan senjata sepenuhnya

adalah prasyarat utama selain menamatkan pencerobohan dan pembunuhan beramai-ramai rakyat Palestin.

"Organisasi (Hamas) bertegas serangan Israel di Gaza perlu dihentikan sepenuhnya dan bukan hanya untuk sementara sahaja sebelum rundingan boleh dimulakan....," katanya.

Mengenai peranan Malaysia, Ahmad Badri menegaskan bahawa Malaysia boleh memanfaatkan kedudukan dan pengaruhnya yang unik demi memperjuangkan hak dan maruah rakyat Palestin.

Beliau menekankan beberapa cadangan dasar boleh dilaksanakan Malaysia, termasuk memainkan peranan kepimpinan di platform antarabangsa seperti Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu dan mengetui pembentukan badan pemikir yang boleh bertindak sebagai pelobi untuk mempengaruhi Amerika Syarikat yang merupakan sekutu utama dan penyokong Israel.

"Kumpulan pemikir (think tank)

boleh bekerjasama dengan negara-negara sekutu utama seperti Turkiye, Pakistan, Indonesia dan Afrika Selatan yang berkongsi pandangan dan kepentingan serupa mengenai perkara itu serta menyelaraskan usaha mereka untuk mempengaruhi AS dan negara Barat lain," katanya.

Di peringkat serantau, Ahmad Badri berkata Malaysia juga harus memainkan peranan aktif menerusi platform serantau seperti Pergerakan Negara-Negara Berkecuali (NAM) dan Persatuan Negara-Negara Asia Tenggara (ASEAN) kerana ia boleh mengumpul sokongan dan solidariti negara-negara membangun untuk kepentingan Palestin.

Ahmad Badri juga mencadangkan agar Malaysia mengambil bahagian dan memulakan dialog dengan pemimpin agama global, mengambil peranan utama dalam dunia Islam dan mengeluarkan fatwa yang komprehensif dalam menangani isu Palestin berdasarkan perspektif Islam. - ©BERNAMA

Perkhidmatan Boeing 737 MAX 9 digantung hingga notis lanjut - FAA

CHICAGO, 13 Jan. - Pentadbiran Penerbangan Persekutuan (FAA) mengantung perkhidmatan Boeing 737-9 MAX sehingga pemeriksaan dan penyelenggaraan menyeluruh dijalankan dan data hasil pemeriksaan disemak, menurut FAA menerusi laman sesawangnya pada Jumaat.

Selepas menyemak senarai cadangan pemeriksaan dan arahan penyelenggaraan Boeing, FAA memerlukan data tambahan daripada Boeing termasuk laporan

pemeriksaan pintu palam 40 pesawatnya, lapor Xinhua.

Jika arahan pemeriksaan dan penyelenggaraan Boeing diluluskan, ia akan pengendali dikehendaki melaksanakannya pada setiap pesawat sebelum ia dibenar menyambung semula perkhidmatan, menurut FAA.

FAA mengantung perkhidmatan sekitar 171 pesawat Boeing 737-9 MAX pada 6 Januari selepas tingkap kabin pesawat penerbangan 1282 Alaska Airlines. - ©BERNAMA

Airlines tercabut ketika melakukan penerbangan.

Agensi itu telah melancarkan siasatan bagi menentukan sama ada Boeing gagal memastikan produk itu mematuhi reka bentuk yang diluluskan dan berada dalam keadaan selamat berdasarkan peraturan FAA.

FAA akan terus membantu siasatan Lembaga Keselamatan Pengangkutan Kebangsaan terhadap Penerbangan 1282 Alaska Airlines. - ©BERNAMA

Tentera laut Sri Lanka tahan 12 nelayan India, rampas 3 bot pukat tunda

COLOMBO, 14 Jan. - Tentera laut Sri Lanka menahan seramai 12 nelayan India dan merampas tiga buah bot pukat tunda semasa mereka sedang menangkap ikan secara haram di perairan negara itu pada Sabtu malam, lapor Xinhua.

Dalam satu kenyataan pada Ahad, tentera laut berkata

tangkapan itu dibuat di perairan di luar Kovilan Point Lighthouse di utara bandar Jaffna, semasa operasi khas untuk mengusir bot pukat tunda India dari perairan Sri Lanka.

Nelayan dan bot pukat tunda itu kemudian dibawa ke pelabuhan Kankesanthurai dan

akan diserahkan kepada Inspektor Perikanan Mailadi untuk tindakan undang-undang.

Sementara itu, sepanjang tahun lalu, tentera laut Sri Lanka menahan seramai 343 individu kerana terlibat dalam aktiviti haram dan merampas ribuan kilogram barang terlarang. - ©BERNAMA

Pilihan raya Taiwan bermula Sabtu

TAIPEI, 13 Jan. - Pilihan raya Taiwan bermula seawal 8 pagi hingga 4 petang Sabtu, menyaksikan pengundi melaksanakan tanggungjawab masing-masing di pusat mengundi di sekitar Taiwan, lapor Agensi Berita Pusat (CNA).

Sebanyak tiga parti bertanding jawatan presiden dan naib presiden iaitu Parti Rakyat Taiwan (TPP) Ko Wen Je dan pasangannya Wu Hsin Ying, calon presiden Parti Progresif Demokratik (DPP) Lai Ching Te, yang juga

naib presiden sementara dan pasangannya Hsiao Bi Khim serta calon presiden Kuomintang (KMT) Hou Yu Ih dan pasangannya Jaw Shau Kong.

Selain pilihan raya presiden dan naib presiden, sejumlah 113 kerusi Parlimen turut dipertandingkan termasuk 73 wakil daerah yang dipilih secara langsung. Sebanyak 16 parti politik termasuk DPP, KMT dan TPP bersaing merebut 34 kerusi.

Sekitar 19.55 juta pengundi di Taiwan atau lebih 83 peratus

penduduknya layak mengundi di enam bandar terbesar iaitu Taipei, New Taipei, Taoyuan, Taichung, Tainan dan Kaohsiung.

Sebanyak 17,795 pusat mengundi dibuka dengan kertas undi akan dikira serta-merta manakala keputusan akan terus diserah kepada pihak berkuasa pilihan raya tempatan dan pusat. Presiden dan naib presiden dijadual mengangkat sumpah pada 20 Mei manakala Ahli Parlimen yang dipilih mengangkat sumpah pada 1 Feb. - ©BERNAMA

Seorang terbunuh, pesawat ringan terhempas di timur Thailand

BANGKOK, 13 Jan. - Seorang terbunuh manakala seorang lagi cedera apabila pesawat ringan yang dinaiki terhempas di timur Thailand pada Sabtu, lapor Xinhua memetik media tempatan.

Pihak berkuasa berkata pesawat malang itu terhempas di kawasan sawah di wilayah Chon Buri kira-kira 9 pagi waktu tempatan.

Seorang mangsa yang cedera parah telah dibawa ke hospital tempatan, menurut penyiar awam Thai PBS.

Saksi mendakwa pesawat itu cuba mendarat di kawasan lapang tetapi gagal lalu merempuh pokok sebelum terhempas. - ©BERNAMA

33 maut, 19 cedera tanah runtuh di lebuh raya di Colombia

BOGOTA, 14 Jan. - Sekurang-kurangnya 33 orang terbunuh manakala 19 yang lain cedera dalam insiden tanah runtuh di lebuh raya berhampiran bandar Carmen de Atrato di wilayah Choco di Colombia.

Kejadian itu diperdayai berlaku akibat hujan lebat, lapor Agensi Anadolu.

"Saya amat kesal dengan kehilangan 33 nyawa dalam tragedi itu, kebanyakannya kanak-kanak..." kata Naib Presiden Francia Marquez di X.

Gabenor Antioquia Andres Julian Rendon berkata pasukan mencari dan menyelamat telah dihantar ke wilayah itu dan ramai mangsa terperangkap di bawah runtuh.

12 maut dalam nahas babitan bas di Nepal

KATHMANDU, 13 Jan. - Seramai 12 orang maut apabila sebuah bas terjunam ke dalam sungai di daerah Dang di barat Nepal pada Jumaat, lapor Xinhua. "Seramai 12 orang disahkan terbunuh manakala 22 lagi cedera dalam kemalangan itu," kata ketua pegawai daerah Rambandhu Subedi pada Sabtu.

Bas yang membawa 36 penumpang itu dilaporkan dalam perjalanan ke Kathmandu dan didakwa dipandu laju sebelum melanggar pagar jambatan Sungai Rapti sebelum terjunam ke dalam sungai. Nahas itu berlaku kira-kira pukul 10.30 malam waktu tempatan.

Pasukan penyelamat mengambil masa kira-kira empat jam untuk mengeluarkan bangkai bas berkenaan, kata Subedi. Mereka yang cedera sedang dirawat di hospital tempatan. - ©BERNAMA



ePaper Pelita Brunei



PIALA ASIA : CHINA SEKADAR SERI TANPA JARINGAN DENGAN TAJIKISTAN

DOHA, 14 Jan. - China memulakan aksi Piala Asia 2023 dengan keputusan seri tanpa jaringan ketika menentang Tajikistan untuk Kumpulan A selepas tandukan untuk pertahanan China Zhu Chenjie tidak dikira, lapor Xinhua.

Tajikistan yang menduduki ranking ke-106 dunia dilihat menguasai perlawanan

sepanjang separuh masa pertama dan mencipta beberapa peluang untuk menjaringkan gol tetapi gagal disempurnakan.

China bangkit pada separuh masa kedua selepas jurulatih Aleksandar Jankovic melakukan pertukaran pemain.

Pada minit ke-80, tandukan Zhu

membuatkan penyokong Tajikistan senyap seketika sebelum video bantuan pengadil (VAR) mendapat tandukan itu tidak dikira.

Jankovic mengakui anak buahnya kelihatan agak tertekan pada separuh masa pertama dan beberapa perubahan penting akan dibuat sebelum aksi seterusnya menentang Lubnan.

Untuk Kumpulan B, Australia mengatasi India dengan kemenangan 2-0 selepas Jackson Irvine dan Jordan Bos keduanya menjaringkan gol pada separuh masa kedua.

Uzbekistan pula sekadar seri tanpa jaringan dengan Syria.
- ©BERNAMA

Watanabe-Higashino raih gelaran sulung beregu campuran Jepun

KUALA LUMPUR, 14 Jan. - Beregu campuran utama Jepun Yuta Watanabe-Arisa Higashino memulakan musim baharu dengan bergaya apabila meraih gelaran juara Terbuka Malaysia 2024.

Lebih manis, Watanabe-Higashino muncul beregu campuran pertama Jepun mengungguli podium Terbuka Malaysia selepas menewaskan Kim Won Ho-Jeong Na Eun dari Korea Selatan 21-18, 21-15.

Dalam aksi di Axiata Arena, pilihan kedua kejohanan itu jelas mendominasi 37 minit perlawanan akhir untuk meraih gelaran Jelajah Dunia Ke-11 mereka hari ini.

Watanabe ketika ditemui berkata kejayaan hari ini merupakan permulaan baik buat mereka untuk musim ini.

"Ia permulaan yang baik buat kami tapi masih banyak kejohanan mendatang. Kami akan cuba yang terbaik dan fokus setiap perlawanan dari semasa ke semasa," katanya kepada pemberita di sini hari ini.

Higashino turut menzahirkan penghargaan buat jurulatih kelahiran Malaysia, Jeremy Gan yang banyak memberikan panduan dan motivasi kepada mereka untuk meningkat dalam setiap perlawanan.

"Kami teruja apabila melakar sejarah sebagai pasangan pertama Jepun meraih gelaran beregu campuran," katanya.

Pada edisi lepas, Watanabe-Higashino muncul naib juara selepas tunduk kepada pasangan China Zheng Si Wei-Huang Ya Qiong 19-21, 11-21.

Sementara itu, Won Ho mengakui tidak dapat mempamerkan aksi terbaik dan gagal menyerap tekanan sekali gus terlepas gelaran juara pada perlawanan hari ini. - ©BERNAMA

Denmark kekal mahkota perseorangan lelaki, Antonsen juara Terbuka Malaysia 2024

KUALA LUMPUR, 14 Jan - Denmark mengekalkan mahkota perseorangan lelaki Terbuka Malaysia hari ini selepas Anders Antonsen muncul juara, selepas juara bertahan Viktor Axelsen terkandas di separuh akhir semalam.

Antonsen, pemain di ranking kesembilan dunia, menewaskan Shi Yu Qi dari China dalam pertarungan mudah 21-14, 21-13 dalam perlawanan akhir di Axiata Arena, Bukit Jalil, yang merupakan satu kemenangan besar dalam kerjaya badmintonnya.

Kemenangan terbesar Antonsen sebelum ini ialah memenangi gelaran Jelajah Akhir Dunia 2020, yang juga merupakan kejohanan Super 1000, menewaskan rakan senegara Axelsen, selain satu pingat perak dan dua gangsa dalam Kejohanan Dunia.

Juara Terbuka Malaysia membawa pulang pingat, piala dan hadiah wang tunai US\$91,000 (kira-kira RM422,877), manakala Yu Qi menerima US\$44,200 (kira-kira RM205,397) berserta pingat dan piala.

Bercakap kepada pemberita, Antonsen menyifatkan kejayaan diraih hari ini merupakan detik bersejarah dalam hidupnya.

"Perasaan yang luar biasa, saya masih terkejut. Set pertama berlangsung sangat baik tapi set kedua penuh dengan debaran, bukan yang terbaik, saya juga bukan dalam keadaan terbaik ketika itu dan rasa terlalu lama untuk menamatkan perlawanan.

"Saya tidak sangka (menang mudah) dengan lawan sebegini. Ternyata ia merupakan perlawanan sukar buat beliau di set kedua dengan gangguan angin, jadi penting untuk saya menguasai set pertama," katanya.

Mengenaisambutanbagimerakaikankejayaannya, Antonsen berkata beliau akan menikmati 'makan besar' pada malam ini kemungkinan menjamu selera dengan burger, pizza, santapan mewah atau mencari makanan tempatan.

Antonsen mara ke final selepas mengetepikan wakil Taiwan, Lin Chun Yi 21-16, 21-17 manakala Yu Qi menyingkirkan Axelsen 21-12, 19-21, 21-17 dalam aksi separuh akhir semalam.

Sementara itu, Yu Qi mengakui pemain Denmark itu bermain dengan lebih baik berbanding dirinya.

"Antonsen melakukan persiapan lebih baik dari saya. Beliau juga mempunyai kemahiran dan taktik yang baik," katanya. - ©BERNAMA

Harimau Malaya harap permulaan sempurna menentang Jordan

DOHA, 14 Jan - Tampil sebagai pasukan bukan pilihan, Malaysia tetap mengharapkan untuk meraih tiga mata ketika bertemu Jordan dalam perlawanan pembukaan Kumpulan E kempen Piala Asia 2023 di Stadium Al Janoub di sini, malam esok (1.30 pagi 16 Jan waktu Malaysia).

Ketua jurulatih negara Kim Pan Gon berkata selain pasukan kini telah bersedia, petugas kejurulatihannya juga mempunyai semua maklumat mengenai kekuatan dan kelemahan Jordan, pasukan dengan ranking ke-87 dunia, termasuk dari segi kualiti setiap individu.

Menurut pengendali asal Korea Selatan berusia 45 tahun itu, rekod cemerlang dicapai Malaysia dalam 11 perlawanan terakhir yang menyaksikan Harimau Malaya

menang dan seri ketika menentang pasukan ranking lebih tinggi, memberi keyakinan untuk saingan esok.

"Kita telah bersedia sepenuhnya untuk menentang Jordan esok. Sebagaimana orang ramai tahu bahawa Malaysia merupakan negara yang indah dengan rakyatnya yang baik dan ramah, kini kami datang ke kejohanan ini untuk perkenalkan pula bola sepak Malaysia yang kuat, dinamik dan bertenaga."

"Sejak Mac lepas kita telah bermain 11 perlawanan, tujuh menang, dua seri dan satu kalah, dan dalam menentang pasukan sekitar ranking 90 kita bermian enam kali, dua menang, tiga seri dan satu kalah. Rekod ini memberi keyakinan kepada kita bahawa kita boleh bermain dengan pasukan di ranking ke-87, Jordan," katanya pada

sidang media di sini hari ini.

Mengulas lanjut, Pan Gon berkata masalah kecederaan dihadapi beberapa pemain termasuk tonggak tengah, Endrick Dos Santos tidak menjelaskan rancangan pasukan itu.

"Memang ada kecederaan (dalam pasukan) tetapi kita tetap akan memberikan sepenuh tenaga untuk perlawanan esok dari segi taktikal, teknikal dan strategik," katanya.

Sementara itu, selaku kapten, Matthew Davies, yang berbangga mewakili Malaysia dalam kempen kali ini, menyifatkan keputusan positif ketika menentang Jordan sangat penting jika mereka mahu merau ke pusingan 16.

"Kami berada di sini bukan untuk bersikap defensif dan negatif, kami datang sini

untuk bermain bola sepak yang baik, jadi kami harap dapat berbuat demikian," kata pemain pertahanan berusia 28 tahun itu sambil menegaskan faktor tekanan bagi perlawanan esok lebih dirasai Jordan.

Selain itu, pemain Johor Darul Ta'zim (JDT) itu berkata kehadiran beberapa pemain Jordan dalam Liga Super juga memberi kelebihan kepada pasukan negara kerana sudah mengetahui keupayaan mereka.

Untuk rekor, Malaysia yang berada di ranking ke-30 tidak pernah menang ke atas Jordan dalam lima perlawanan terakhir iaitu tiga kalah dan dua seri, dengan pertembungan terakhir pada 2021 menyaksikan pasukan dengan julukan 'The Chivalrous Ones' itu menang 4-0 dalam perlawanan persahabatan. - ©BERNAMA

BERITA-BERITA HARIAN BOLEH DIIKUTI DI LAMAN SESAWANG : www.pelitabrunei.gov.bn

TINGKATKAN TAHAP KEGIATAN FIZIKAL DALAM KALANGAN MASYARAKAT